

REFLEKSI

Tinta Akademia

BIL.01/2023

Refleksi: Wajah dan
Cerminan Kita

Adab dalam Kehidupan
Cabaran Wanita Berkerjaya


Mendekati Bahasa dan
Budaya Jerman

11 FAQs About MUET
at UniMAP

SASTERAWAN NEGARA
Dato' Dr. Zurinah Hassan
Pujangga di Medan Jurutera

Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

KiniMAP@Map - KiniMAP@Society - KiniMAP@Engineering Society
Sesuatu Kekinian / Kekemungkinan



#KiniMAP@Society
www.unimap.edu.my



Nota kepada penyumbang artikel:

Penulis yang berminat untuk menghantar karya bolehlah menyumbangkan artikel dalam mana-mana kolom yang disediakan merangkumi:

- rencana bebas
- karya terjemahan
- genre penulisan sastera

Setiap penulisan hendaklah mengikut garis panduan seperti yang berikut:

- Penulisan berbentuk separa ilmiah
- Penulisan adalah dalam Bahasa Melayu
- Penulisan dalam Bahasa Inggeris turut dialu-alukan dan akan dimasukkan dalam satu kolom khas
- Jumlah halaman: Dua (2) halaman dan tidak lebih daripada enam (6) halaman
- Jarak baris: Langkau 1.0, *justified alignment*
- Jenis dan saiz fon: Times New Roman (12) atau Arial (11)

Karya boleh dihantar ke pautan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1IN-z0iMRuESmmAgALISZzeVSkSne5tg>
Atau imbas kod QR yang dipaparkan.



SIDANG REDAKSI

DEKAN FAKULTI

Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah
Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)

KETUA JABATAN

Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah
Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU)

KETUA EDITOR Pn. Juliana Ahmad

EDITOR En. Mohamad Zaki Abdul Halim
Pn. Marzura Mat Arid
Dr. Noor Asliza Abdul Rahim
En. Khairul Hisham Jamalludin
En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz
Pn. Niswa Noralina Abdullah
Pn. Zuhairah Idrus
Dr. Noriha Basir
Pn. Siti Balkis MKM Mohamed Ibrahim
Pn. Nurul Syazwani Zulkifli

EDITOR REKA BENTUK GRAFIK En. Mohd Azrizal Mohd Salleh
En. Muhammad Bazli Mahmood

Diterbitkan oleh:
Jabatan Bahasa & Pengajian Umum
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Blok B Pusat Pengajian Jejawi 1
Jln Kangar - Arau
01000 Kangar, Perlis

Emel: datapenyelidikanpenerbitan.jbpu@gmail.com
Nombor Telefon: 049798893

REFLEKSI: Tinta Akademia diterbitkan secara tahunan.

REFLEKSI BIL.01/2023

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian penerbitan ini boleh dicipta semula, diubah suai, disimpan, diedarkan atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan format sama ada melalui elektronik, fotokopi, teknikal, rakaman atau lain-lain tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).

Refleksi bagi awal terbitannya adalah pada tahun ini yang diterbitkan secara tahunan (Bilangan 1, 2023) dengan tema Tinta Akademia terbitan JBPU, FPK. Sidang redaksi majalah berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat Refleksi atau Jabatan Bahasa & Pengajian Umum.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada JBPU haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh tahun terbitan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan atau akan dibawa ke terbitan seterusnya. Sidang redaksi tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui mana-mana saluran selain yang diuar-uarkan oleh sidang redaksi sendiri.

JENDELA KATA KETUA EDITOR

REFLEKSI: WAJAH DAN CERMINAN KITA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam hormat kepada warga Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).

Memulakan tinta di halaman terawal ini, ingin saya dahulukan dengan ungkapan rasa syukur ke hadrat Ilahi atas penerbitan ulung majalah ini berjudul Refleksi: Tinta Akademia yang dimulai pada tahun 2023 (Bil.01) terbitan JBPU, FPK. Penerbitan Refleksi buat julung-julung kalinya ini adalah lahir daripada cetusan idea pengurusan JBPU dengan hasrat untuk merealisasikan satu penerbitan tahunan berbentuk majalah yang mewakili warga JBPU dan diselenggara oleh sidang redaksi di bawah Jawatankuasa Data Penyelidikan dan Penerbitan. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan laporan aktiviti-aktiviti JBPU sepanjang tahun, selain mewujudkan kolum-kolum sampingan seperti perkongsian karya dalam pelbagai genre, berbentuk ilmiah dan separa ilmiah. Penerbitan majalah ini juga diharapkan dapat dijadikan satu saluran atau rujukan utama kepada JBPU khususnya dan UniMAP keseluruhannya sebagai satu wadah pendokumentasian maklumat jabatan ini secara tahunan.

Langkah awal dalam merangka majalah ini bermula daripada pemilihan judul sehinggalah meletakkan intipati yang serasi dengan penampilan JBPU serta seisi warganya. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kata refleksi memberi pengertian suatu bayangan, gambaran yang merujuk cerminan diri atau fikiran dalam sesuatu kegiatan, ragam dan corak kehidupan kita. Oleh itu, pemilihan judul majalah ini bertepatan dengan suatu gambaran dan cerminan diri yang diungkapkan melalui imej serta lontaran fikiran warga JBPU sekali gus dijadikan sebagai satu kenangan terkait dengan peristiwa serta kegiatan-kegiatan yang dikongsi sepanjang tahun. Pada kesempatan ini juga dapatlah dikatakan bahawa inisiatif menerbitkan majalah ini secara tidak langsung dapat membuka ruang penulisan terutamanya kepada warga akademik JBPU untuk berkarya bagi genre-genre yang diketengahkan, di samping tidak ketinggalan juga memaparkan penghargaan selayaknya kepada kakitangan yang menyumbang bakti menaikkan nama JBPU sepanjang tahun.

Walau apapun landasan serta hala tuju yang ingin ditampilkan, sekalung terima kasih ditujukan kepada semua editor kolum khususnya yang terlibat dalam mencorakkan 'wajah' kita dalam upaya membangunkan majalah ini. Tidak dilupa juga berbilang-banyak terima kasih ditujukan kepada pucuk pimpinan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) ketika tempoh keberadaan beliau iaitu mantan Dekan; YM Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad yang kini telah melebarkan sayap kerjaya di Timur Tengah semenjak Oktober lalu. Beliau turut merencanakan buah fikiran serta pertimbangan pengisian yang cocok untuk dimuatkan dalam penerbitan ulung majalah ini. Penghargaan diberikan juga kepada Ketua Jabatan JBPU; Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah yang telah mencetuskan idea serta membantu menambah baik penyusunan awal majalah ini seterusnya kepada warga JBPU amnya yang sudi menyumbangkan seluas kalam dalam memenuhi kolum-kolum penulisan sebagai 'cerita' bersama. Sidang redaksi juga ingin mengambil peluang mengucapkan tahniah atas pelantikan Dekan FPK yang baharu, iaitu Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah dan terima kasih atas sokongan yang diberikan untuk pihak JBPU membangunkan majalah ini.

Akhir kalam, sekadarnya daripada pihak saya dan sidang redaksi dalam upaya merealisasikan penerbitan majalah JBPU yang bermula dalam bentuk e-majalah (digital) untuk tatapan semua. Sekiranya tidak segah paparan dalam bayangan kalangan pembaca atau kelainan-kelainan yang mungkin difikirkan bagi terbitannya buat kali pertama pada tahun ini (BIL.01/2023), kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan. Patah tumbuh hilang berganti, bersua dengan kepimpinan baharu dalam meniti langkah pada tahun hadapan semestinya menjulang ekspresi baharu untuk kita semua.

Sekian. Salam Refleksi.

Juliana Ahmad
Ketua Editor



Pn. Juliana Ahmad
Ketua Editor

1

JENDELA KATA KETUA EDITOR

Refleksi: Wajah dan Cerminan Kita
Juliana Ahmad

2-3

ISI KANDUNGAN

4-6

KARYAWAN

Zurinah Hassan:
Pujangga di Medan Jurutera
Mohamad Zaki Abdul Halim

7-11

BINTANG

Penerima Anugerah Buku Negara
Anugerah Seri Gemilang
Anugerah Kenaikan Pangkat
Marzura Mat Arid

12

MADAH

Kata Pujangga
Words of Wisdom
Juliana Ahmad

13-18

RENCANA

Noor Asliza Abdul Rahim

Adab dalam Kehidupan
Shuhairimi Abdullah

Pentingnya Menyemai Integriti bagi
Membanteras Rasuah
Nor Hafizan Habib Sultan

Cabaran Wanita Berkerjaya:
Keseimbangan Tuntutan Ekonomi,
Tanggungjawab dan Kesihatan
Mental.
Junainor Hassan, Sharmini Abdullah
& Loo Shih Min

19-27

TERJEMAHAN

Khairul Hisyam Jamalludin

Segmen Bahasa Asing
- Kosa Kata Asas
- Perbualan Asas: Mengenali
Rakan Baharu

Mendekati Bahasa dan Budaya
Jerman
Safinur Chin

Segmen Bahasa Inggeris
ChatGPT: Boon or Bane in
Classrooms?
Noor Farahhein Johari & Sri Kandy
Putri Naru Abdul Hamid Naru

The Powerful Impact of Music, Movies, and TV Series on Students' Academic Enrichment

Sri Kandy Putri Naru Abdul Hamid Naru & Noor Farahhein Johari

Benefiting Online Learning; Are We Creating a 'Positive Learner' or 'Negative Learner'?

Junainor Hassan & Sharifah Anis Zarith Syed Dziauddin

11 FAQ ABOUT MUET @ UNIMAP

Muhammad Hafiz Ummah Abu Bakar Bakri & Qistina Muhamad Marzuki

28-30

RESENSI

BARAT DARIPADA CERMINAN WATAN: Gelintaran Fikir Al-Attas dan Za'ba

Niswa Noralina Abdullah

BULAT SEGILING, PECAK SETAPIK: Naratif Covid-19 di UniMAP

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz

31-32

KARYA SASTERA

Nurul Syazwani Zulkifli

Pantun Palas

Pantun Ikan Darat

Wan Norhaizar Harun

Rona Pohon Perpaduan

Juliana Ahmad

33-52

LENSA

Program-program Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) Sepanjang Tahun 2023

Siti Balkis MKM Mohamed Ibrahim, Noriha Basir & Zuhairah Idrus

PENERBITAN BUKU-BUKU STAF 2023 JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU)

Zurinah Hassan: Pujangga di Medan Jurutera



Pada tahun 2019, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menyahut gagasan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ketika itu berkaitan dengan program Sasterawan di Universiti melalui inisiatif penempatan Sasterawan Negara di Universiti Awam (UA). Bagi KPM, program ini diharap dapat memberi sumbangan secara berterusan dalam dunia akademik menerusi ilmu yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat di samping melengkapkan hasrat KPM untuk membina masyarakat yang mempunyai nilai kemanusiaan, kasih sayang, kebahagiaan dan hormat-menghormati seterusnya membentuk peradaban bangsa yang jitu.

Antara matlamat program ini ialah menyemarakkan nilai kesusasteraan setiap warga universiti tanpa mengira latar belakang ke tahap tertinggi dengan memperkasakan *STREAM (Science, Technology, Reading, Engineering, Arts and Maths)*. Pada masa yang sama dapat mengiktiraf pelibatan Sasterawan Negara sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara dengan mewujudkan integrasi dan sinergi antara Sasterawan Negara dengan ahli akademik dalam aspek pengajaran dan penyelidikan selain menjadi ikon kepada pelajar dengan mencurahkan ilmu, perkongsian pengalaman, khidmat nasihat dan pandangan mereka supaya pelajar berfikir kreatif dan inovatif.

Sebagai sebuah Universiti Awam yang tujuhan ilmunya adalah berkaitan dengan kejuruteraan, UniMAP sangat mendukung aspirasi memperkasakan STREAM melalui pelibatan Sasterawan Negara. Bagi merealisasikan hasrat ini, UniMAP telah mengurniakan watak pelantikan Sasterawan di UniMAP sekali gus sebagai Profesor Adjung UniMAP kepada Sasterawan Negara ke-13, Dato' Dr. Zurinah Hassan pada 29 Oktober 2019 bagi tempoh 2019-2021 (penggal pertama) yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Canselor UniMAP.

Zurinah dilahirkan di Alor Setar pada 13 Jun 1949. Beliau berkelulusan PhD. (Doktor Falsafah) Universiti Malaya (UM); Sarjana Sastera, Universiti Putra Malaysia (UPM); dan Sarjana Muda Sastera, Universiti Sains Malaysia (USM). Kewibawaan Zurinah dalam dunia kepengarangan negara dan antarabangsa telah meletakkan beliau sebagai ikon penulis negara yang prolifik dan unggul lantas sebagai penulis wanita pertama yang dinobatkan sebagai Sasterawan Negara bersempena dengan Anugerah Sastera Negara pada tahun 2015. Sebelum itu, Zurinah telah banyak merangkul anugerah berprestij dari dalam dan dari luar negara melalui pengiktirafan terhadap bakat, karya dan sumbangan beliau dalam dunia kesusasteraan. Antara anugerah yang pernah diterima beliau ialah Anugerah Sunthorn Phu Penyair ASEAN (2013), Anugerah Penulisan Asia Tenggara (2004), Hadiah Buku Perpustakaan Negara (2003/2004), Hadiah Sastera Perdana: Buku Pujangga Tidak Bernama (1994), Anugerah Puisi Putra: Buku Keberangkatan (1986), dan yang terkini Anugerah Tokoh Puisi Kebangsaan 2023 sempena dengan Sambutan Hari Puisi Kebangsaan 2023.




UniMAP amat berbangga dengan ketokohan beliau dalam dunia kepenyairan negara. Sebagai Profesor Adjung UniMAP, beliau telah banyak membantu menghidupkan nilai kesusasteraan di universiti ini melalui pelibatangannya dalam program bersama dengan pelajar dan kakitangan UniMAP. Semangat beliau sangat dihargai di varsiti ini melalui curahan ilmu, khidmat nasihat dan perundingan yang disampaikan dalam syarahan akademik dan penulisan beliau sebagai Sasterawan di UniMAP. Kecemerlangan khidmat dan bakti beliau di universiti ini telah memungkinkan beliau dilantik semula untuk penggal kedua (2021-2023) sebagai Profesor Adjung UniMAP yang bertanggungjawab langsung di bawah Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan (FSGM) yang kini dikenali sebagai Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK).

Selama tempoh tersebut, Zurinah telah memberikan sepenuhnya komitmen beliau kepada UniMAP dengan menyumbangkan kepakaran dalam banyak program kebahasaan dan kesusasteraan serta penerbitan buku. Antara karya (buku) beliau yang diterbitkan oleh Penerbit UniMAP sepanjang tempoh lantikannya sebagai Profesor Adjung UniMAP, ialah *Membina Bakat Kreatif* (2020) dan, *Pemikiran dan Falsafah dalam Puisi Melayu Tradisi* (2022).

“Sebagai sebuah Universiti Awam yang tujahan ilmunya adalah berkaitan dengan kejuruteraan, UniMAP sangat mendukung aspirasi memperkasakan STREAM melalui pelibatan Sasterawan Negara.”

Beliau juga telah menyampaikan syarahan akademiknya melalui siri Naratif Sastera yang berjudul *Kebitaraan Bahasa dan Kesusasteraan Kebangsaan: Nilai Insan Kejuruteraan* (Syarahan Umum Profesor Adjung; 2019), *Penulisan Puisi Moden* (Panel Wawancara; 2020), *Wawansabda Pantun Melayu* (Panel Forum; 2020), *Kearifan Tempatan dalam Karya Sastera* (Syarahan Akademik Profesor Adjung; 2022), *Alam dan Legenda dalam Metafora dan Analogi Sasterawan Utara* (2023). Selain itu, Zurinah juga telah menghasilkan puisi untuk UniMAP dan telah mendeklamasikannya dalam acara-acara khas di universiti ini, seperti *Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra* (2020), *Setelah Terbina Keyakinan* (2021), *Terima Kasih Sukarelawan* (dari Warga Shah Alam untuk Sukarelawan UniMAP) (2022).

Sejauh ini perjalanan Zurinah Hassan dengan UniMAP, beliau telah meninggalkan jejak-jejak ilmu dan pengalaman yang berharga buat warga varsiti ini. Kerendahan hati dan ketinggian budi beliau tetap dikenang dan jasanya dijunjung selamanya. Kolum ini menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan yang besar nilainya kepada beliau selama berkhidmat sebagai Profesor Adjung UniMAP.



Zurinah ketika dihubungi penulis telah merakamkan penghargaannya kepada UniMAP:

Terima kasih UniMAP untuk sebuah pengalaman yang bermakna. Terima kasih kerana telah melantik saya dengan upacara yang gilang-gemilang yang disempurnakan sendiri oleh DYTMs Tuanku Canselor. Terlalu banyak kenangan dan penghargaan yang mahu diucapkan.

Kepada Yang Berbahagia Naib Canselor, Profesor Dato' Ts. Dr. Zaliman Sauli dan Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi yang meletakkan diri ini di tempat yang tinggi, diucapkan terima kasih.

Tidak terucap kata untuk Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra yang mempamerkan puisi saya di pintu masuknya. Lebih daripada itu, ialah Ruang Pameran Zurinah Hassan yang tidak ada di tempat lain di dunia ini. Semuanya dengan usaha ikhlas Puan Mazmin Mat Akhir, Ketua Pustakawan yang berbudi dan merendah diri.

Terima kasih kepada Naib Canselor UniMAP ketiga, Yang Berusaha Prof. Ir. TS. Dr. R Badlishah Ahmad yang menjemput saya membaca puisi dalam acara ucap utamanya. Rakaman deklamasi ini telah menyelesaikan kesulitan ketika negara di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Saya yang dijadualkan membaca puisi untuk acara perasmian Kuala Lumpur sebagai Kota Buku Dunia telah menyelesaikan masalah dengan menggunakan rakaman deklamasi di UniMAP kerana temanya sangat sesuai dengan acara perbukuan anjuran UNESCO. Bangga juga kerana dapat menyebarkan rakaman dan sudah tentu logo UniMAP ke seluruh dunia.

Terima kasih kepada Penerbit UniMAP kerana menerbitkan buku saya Membina Bakat Kreatif. Buku ini telah terpilih sebagai antara 50 tajuk terbaik (50 Best Malaysian Tittles). Alhamdulillah saya dan UniMAP berkongsi rezeki apabila Perpustakaan Negara Malaysia membeli lebih 500 naskhah untuk diedarkan ke seluruh negara. Kini buku ini telah kehabisan stok dan akan dicetak kali ketiga pada bulan Januari 2024.

Menjunjung kasih kepada DYTMs Tuanku Canselor UniMAP yang mesra. Pada bulan Ogos 2023 saya menyertai UniMAP ke Universiti Thaksin, Songkhla, Thailand, sebagai penyampai Ucapan Utama Sidang Planeri Seminar Antarabangsa Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara 2023 (SUTERA) kali kedua yang dirasmikan oleh DYTMs Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Ketika berhampiran, baginda menegur, "Sasterawan Negara". Saya pun senyum, tunduk dan memberikan hormat. Sudah tentu teruja apabila ditegur oleh seorang raja walaupun sedar teguran itu sekadar perkara biasa dan adat bermajlis, tegur-menegur walaupun entah kenal entahkan tidak. Namun, apabila kemudiannya seseorang memberitahu, "Tuanku kata dia jumpa Dato' di Thaksin", bagi saya itu suatu perkara yang luar biasa.

Terima kasih semuanya. UniMAP di hatiku."

**Bunganya putih berseri indah,
Harum Melur semerbak setinggi;
Terima kasih Dato' Zurinah,
Budi ditabur kembang mewangi. R**



PENERIMA ANUGERAH BUKU NEGARA


ANUGERAH BUKU NEGARA 2023
ANUGERAH KATEGORI PENGAJIAN
TINGGI (PENYUNTING TERBAIK)

EN. MOHD KASTURI NOR ABD AZIZ
Pensyarah Kanan



ANUGERAH BUKU NEGARA 2022
ANUGERAH PENGAJIAN TINGGI
(KATEGORI BUKU UMUM TERBAIK - KEMANUSIAAN)

PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH
Pensyarah Kanan



ANUGERAH SERI GEMILANG

14 Mac 2023

Dewan Kecemerlangan Kampus Alam UniMAP.



ANUGERAH AKADEMIK UniMAP 2022

ANUGERAH PENERBITAN BUKU UniMAP

PROF. MADYA DR. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH

Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU)

Segala puji bagi Allah yang selayaknya dengan semua pujian. Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan yang telah memberi ruang dan peluang kepada saya untuk menyumbang sedikit amal bakti. Semoga Allah merahmati kita semua dan dipelihara daripada sebarang malapetaka.

ANUGERAH AKADEMIK UniMAP 2022
ANUGERAH AHLI AKADEMIK VERSATIL

EN. MOHAMAD ZAKI BIN ABDUL HALIM

Guru Bahasa Kanan

Tidaklah berjaya seseorang itu dengan sendirinya tanpa bantuan orang keliling dan perkenan Tuhannya. Sesungguhnya anugerah ini hanya pinjaman Allah SWT yang patut diisi dengan manisnya amanah.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

DR. SITI NORAYU BINTI MOHD BASIR

Pensyarah Kanan

Anugerah ini amat bermakna untuk saya dan menjadikannya sebagai motivasi kepada saya untuk terus cemerlang.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

PN. FAUZIAH BINTI ISMAIL
Pensyarah Universiti

Terima kasih kepada pengurusan FPK dan rakan-rakan yang banyak membantu. Diharapkan, dengan anugerah ini dapat menjadikan diri ini lebih komited dalam setiap tugas yang dilakukan.

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

PN. SHARIFAH ANIS ZARITH BINTI SYED DZIAUDDIN
Guru Bahasa Kanan

Syukur, Alhamdulillah. Dengan rasa rendah diri, saya amat menghargai atas anugerah ini dan akan menjadikannya sebagai satu motivasi untuk saya terus belajar dan membuat perubahan. Terima kasih.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2022

PN. NUR ADILA BINTI HAKIMI
Guru Bahasa Kanan

Syukur atas pengiktirafan yang diberikan sepanjang laluan kerjaya saya ini. Penghargaan ini menjadikan saya lebih rendah diri dan atas dorongan ini juga membuatkan saya bersemangat untuk terus maju dalam memberi sumbangan kepada jabatan, fakulti dan universiti. Terima kasih.

ANUGERAH KHAS PERKHIDMATAN CEMERLANG (AKPC) 2022

PN. MARZURA BINTI MAT ARID
Penolong Pendaftar

Syukur, Alhamdulillah. Anugerah ini menjadi pembakar semangat saya demi menggalas tanggungjawab dalam apa-apa jua tugas yang diamanahkan. Terima kasih UniMAP!



ANUGERAH KENAIKAN PANGKAT

KENAIKAN PANGKAT PROFESOR GRED KHAS B VK6

PROFESOR DR. HARSHITA AINI BINTI HAROON
Profesor

Alhamdulillah, syukur atas rezeki ini. Terima kasih saya ucapkan kepada UniMAP; segala bantuan dan sokongan yang telah diberikan amat saya hargai.



PROF. MADYA DR. INA SURYANI BINTI AB RAHIM
Pensyarah Kanan

KENAIKAN PANGKAT PROF. MADYA

Alhamdulillah atas kenaikan pangkat ke Prof. Madya, dan terima kasih kepada semua yang telah menyokong usaha saya.

KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA GRED DG44

PN. AZIZAH BINTI ABDULLAH
Guru Bahasa

Ingin saya ungkapkan jutaan terima kasih tidak terhingga atas sokongan serta dorongan kepada saya bagi penghargaan ini. Hanyalah Dia yang hanya mampu untuk membalasnya atas kebaikan-kebaikan anda semua. Sesungguhnya, yang baik itu datangnye daripada Allah SWT dan yang kurang baik itu datangnye daripada saya sendiri.



KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA GRED DG44

EN. MUHAMMAD BAZLI BIN MAHMOOD
Guru Bahasa

Terima kasih kepada semua yang telah memberikan kenaikan pangkat ini. Saya sangat bersyukur dan berterima kasih atas dukungan dan bimbingan yang telah saya terima.

KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA DG48



EN. WAN NORHAIZAR BIN HARUN
Guru Bahasa DG48

PN. NURUL SYAZWANI BINTI ZULKIFLI
Guru Bahasa DG48

Alhamdulillah, segala puji-pujian milik Allah SWT, dan selawat serta salam buat Nabi Muhammad SAW. Saya bersyukur kehadiran Illahi atas segala kurniaan-Nya yang tidak terkira. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kepimpinan tertinggi UniMAP atas penganugerahan ini, juga tidak lupa buat kepimpinan Jabatan Bahasa dan Pengajian Umum (JBPU) atas kepercayaan yang diberikan selama ini.

Alhamdulillah atas segala rahmat daripada-Nya. Penghargaan dan terima kasih kepada semua yang mendoakan. Anugerah ini adalah sebagai pembakar semangat kepada saya untuk terus maju jaya. 🙏

KATA PUJANGGA

Muhammad Haji Salleh



Yang kami perlukan kata benar,
bukan cerita besar.

"Yang Kami Perlukan"
dlm. *Aksara Usia*

Di zaman yang dikerumuni oleh yayasan kemanusiaan
Kemanusiaan hanya kata di papan pengenalan kulit buku dan judul kecil
untuk kolum
Tentang pelukis yang melukis keganasan.

"Kurun-kurun Peperangan"
dlm. *Sebuah Unggun di Tepi Danau.*

Jangan jadi manusia yang kiri dalam tulisan,
kanan dalam kehidupan.

dlm. *Hujan Pagi.*

Betapa dari atas ke bawah masing-masing diajar bahawa kaya itu mulia.
Cuma yang tidak diajar ialah cara jalan kekayaan itu perlu mulia.

dlm. *Hujan Pagi.*

A. Samad Said



Tenas Affendy



Tunjuk Ajar Melayu:

"Kalau hendak tahu Melayu berbangsa, tengok kepada ia berbahasa"

"Kalau hendak tahu Melayu bertuah, tengok caranya menggoyang lidah"

"Kalau hendak tahu Melayu beradat, dengar cakupnya tengok tabi'at"

"Kearifan Orang Melayu Berbahasa"
dlm. *Syarah Raja Ali Haji, 2008*

Orang perjuangan selalunya menghadapi dua
kemungkinan: hilang dan terbilang.

"Ekor Kepala"
dlm. *Kumpulan Cerpen Sasterawan
Negara Keris Mas 1946-1989, 2010*

Memang dunia ini panggung wayang yang besar. Nanti kita akan melihat cerita-cerita yang
tidak pernah masuk di akal akan dimainkan orang.

"Kalung Mutiara"
dlm. *Mutiara Kata Sasterawan Negara, 2015*

Keris Mas



WORDS OF WISDOM


Paul Arden



"If you can't solve a problem,
it's because you're playing by
the rules."

dlm. *It's Not How Good You Are,
It's How Good You Want To Be*

Albert Einstein



"There is nothing that is a more
certain sign of insanity than to do
the same thing over and over and
expect the results to be
different."

ADAB DALAM KEHIDUPAN

Adab merupakan cerminan akhlak yang terpuji. Secara tidak langsung, adab sebagai simbol manifestasi pekerti seseorang yang menggambarkan ketertiban, kesantunan dan kesopanan seseorang terhadap seseorang yang lain. Dengan kata lain, adab juga terangkum dalam maksud rasa hormat terhadap orang lain. Secara ringkasnya, adab menyentuh perilaku seseorang terhadap perintah agama, pemimpin, ilmuwan, ibu bapa, keluarga dan masyarakat amnya.

Adab adalah gambaran kehalusan pekerti dan kesantunan tingkah laku insan. Perilaku ini adalah sebahagian daripada fitrah manusia. Apabila tatacara adab diikuti, keadaan ini akan menimbulkan keharmonian dalam diri, terhadap orang lain dan melahirkan ketertiban dalam masyarakat. Sebagai contoh, apabila kita beradab kepada Allah, kita akan melakukan segala yang diperintah dan menjauhi yang dilarang. Apabila kita beradab kepada ibu dan ayah, kita mengikut apa-apa jua perkara yang dinasihatinya dan menjauhi yang ditegahnya. Adab kita kepada para ilmuwan ialah kita memanfaatkan ilmu-ilmu berfaedah yang diajarkannya. Adab kita kepada jiran ialah menghormati hak-hak jiran. Falsafah dan manfaat utama yang menyebabkan adab ini dilihat penting adalah untuk mengekalkan keharmonian, saling menghormati, mengamalkan kesantunan dalam hubungan kemanusiaan.

Realitinya pada hari ini menyaksikan sebahagian remaja sedang mengalami dekadensi adab. Fenomena ini berpunca daripada pelbagai sebab. Pertama, ibu bapa kurang prihatin tentang pentingnya adab dalam proses membentuk tingkah laku anak-anak. Kedua, anak-anak mudah terdedah dengan tingkah laku yang tidak menggambarkan adab yang baik sama ada menerusi pengalaman hidupnya, mahupun melalui pengalamannya di media sosial. Ketiga, individu yang lebih berumur tidak menjadikan dirinya sebagai contoh terbaik dari sudut pengamalan adab. Keempat, anak-anak mudah tertarik dengan tingkah laku yang kasar, bahan-bahan permainan yang menjadikannya ganas dan objek-objek seksual yang merosakkan. Akibatnya berleluaslah kejahatan moral dalam pelbagai bentuk.

Oleh sebab itulah kita sering berselisih dengan remaja yang tidak memberi salam apabila bertemu, hilang perasaan segan silu apabila bercampur gaul, menggunakan bahasa dan kata-kata yang kurang sopan dan lucah, memakai pakaian mencolok mata, melawan ibu bapa dan guru, terlibat dengan gejala sosial dan kegiatan dadah serta banyak lagi. Itulah gambaran sebahagian remaja kita yang sudah kehilangan adab. Bayangkanlah sekiranya kelompok ini bakal menjadi ibu bapa, pemimpin pada masa depan, apakah mereka boleh menyumbang ke arah pembangunan negara dan kesejahteraan umat?

Tanggungjawab ini menuntut kerjasama oleh semua pihak. Ibu bapa mestilah menjadi contoh teladan yang terbaik dari segi pengamalan adab yang berterusan. Pada masa yang sama, institusi rumah tangga perlulah memberi asas yang baik dalam menitipkan adab kepada anak-anak, institusi pendidikan pula harus membantu mengukuhkan nilai-nilai adab dalam diri pelajar. Sekiranya semua pihak berperanan untuk meletakkannya sebagai suatu tanggungjawab bersama, pemupukan adab akan berlaku dengan baik. Sekiranya hal-hal sebegini tidak berlaku, timbullah tingkah laku dan pekerti biadap seperti yang tidak diinginkan.

Oleh yang demikian, penerapan disiplin dalam minda dan hati adalah sesuatu yang amat penting. Daripada hati datangnya niat dan tabiat. Tabiat hati berhubung langsung dengan sifat diri manusia. Jujur, ikhlas, kasih, sayang, rindu dan benci datangnya adalah daripada hati. Bagaimana sifat jujur dan ikhlas dapat diperkukuhkan, rasa kasih dan sayang dapat diperteguhkan, rasa rindu dapat dihidupkan dan rasa benci menjadi amalan? Hal yang sama juga berkaitan dengan amalan dan perbuatan. Apabila minda memiliki kekuatan yang jernih dan teguh, hal ini secara tidak langsung akan menzahirkan sifat-sifat yang terpuji. Ketentuan inilah yang dikatakan sebagai adab.

Imam al-Ghazali dalam kitabnya, *Jiwa Agama* memberi analogi pancaindera manusia yang ditamsilkan seperti anak-anak sungai. Hati atau kalbu diibaratkan seperti takungan air yang mengalir atau mudrikah. Daripada mata menyebabkan manusia melihat, memerhati, membaca, mengamati dan menulis sesuatu. Sekiranya yang dilihat, diperhati, dibaca, diamati dan ditulis itu adalah sesuatu yang baik, maka perilaku ini ibarat air jernih yang mengalir masuk ke kalbu atau mudrikah. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW mengibaratkan hati itu ialah seketul daging, sekiranya baik daging itu maka baiklah pekerti manusia dan pekerti manusia yang baik itulah yang dikatakan asas adab bagi manusia. Adab yang baik bukan sahaja menghasilkan cara hidup yang baik, tetapi juga akan mencetuskan peradaban yang unggul akhirnya.

Dalam pemikiran Melayu, manusia unggul disebut “orang budiman”. Memang kata “budi” adalah istilah kunci yang merangkumi seluruh nilai leluhur Melayu. Dalam khazanah kepujanggaan Melayu, kita menemukan gambaran kebejatan perilaku yang terumus dalam ungkapan-ungkapan yang berikut:

Demikianlah hikmah kebijaksanaan dan ketajaman daya renung pujangga silam dalam melukiskan sebuah gambaran kebejatan akal budi yang merentas zaman, dari dahulu hingga sekarang. Ternyata, personifikasi sosok manusia yang diilustrasikan dalam ungkapan-ungkapan puitis tersebut memang wujud dalam masyarakat masa kini. Segalanya berpunca daripada krisis rohaniah, kedangkalan iman yang hanya sebatas lidah dan bibir, tidak tembus menyerap ke pedalaman jiwa. Oleh itu, jiwa yang tidak didasari dengan adab yang terpuji akan melahirkan jiwa yang sakit, tempat bersarangnya segala penyakit rohaniah, hasad dan lain-lain sejenisnya. Ekspresi yang paling jelas ialah bencana keruntuhan langit adab. Di mana-mana ada kepura-puraan: berwajah ganda, bermuka dua, pura-pura memberi, diam-diam mencuri; pura-pura menyantuni, tahu-tahu menyamun; pura-pura warak, alih-alih merompak; pura-pura membela, tiba-tiba memperkosa. R

“
Beriman di mulut, hati berlumut
Beriman di lidah, hati menyalah
Lidah bercabang, langkah menyilang
Tamak harta, mabuk dunia
Loba pangkat, lupa akhirat
Kemaruk puji, lupa diri.
Ke tengah memfitnah, ke tepi mendengki
Ke laut menghasut, ke darat mengumpat
Ke hulu menipu, ke hilir menyindir
Ke atas mengampu, ke bawah melapah
Ke gunung menyombong, ke lurah menyumpah.
Berkawan dengan setan, berguru pada nafsu
Beraja pada selera, bersahabat pada maksiat.
Dalam musyawarah berbantah-bantah
Dalam berunding tuding-menuding
Dalam helah cacat-mencacat.
Sesama keluarga laga-melaga
Sesama kawan makan-memakan
Sesama sahabat sebat-menyebat
Sesama bangsa paksa-memaksa.”

PENTINGNYA MENYEMAI INTEGRITI BAGI MEMBENTERAS RASUAH

Budaya rasuah dan salah guna kuasa di Malaysia terus digemparkan melalui peningkatan kes rasuah dalam kalangan penjawat awam mahupun swasta. Kata “rasuah” berasal daripada bahasa Latin bermaksud ‘corruptio’ (rosak) dan ‘corrumpere’ (merosak dan berpecah menjadi kepingan kecil). Sementara Kamus Dewan Edisi Keempat (2020), menjelaskan rasuah sebagai pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyuap wang). Sejarah kegiatan rasuah di negara kita bermula sejak zaman kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Malah terdapat beberapa contoh negara yang bergolak tumpas akibat rasuah. Antaranya Empayar Rom, Empayar Uthmaniah dan Dinasti Ming. Hal ini disebabkan mereka tidak dapat mengurus pentadbiran negara dengan baik sehingga menyebabkan anggota tentera dan penjawat awam terpaksa mengamalkan rasuah. Kesannya dapat dilihat pada kehancuran empayar-empayar tersebut. Begitu juga dengan kejatuhan Presiden Filipina, Ferdinand Marcos bersama isteri beliau Imelda Marcos yang digulingkan akibat rasuah, Presiden Mobutu Sese di Zaire, Richard Nixon di Amerika, Nawaz Sharif di Pakistan, Mohamed Suharto di Indonesia, Thaksin Shinawatra di Thailand juga tumbang akibat rasuah. Nama-nama besar seperti Dato’ Seri Harun Idris, Tan Sri Isa Samad, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor juga tumbang akibat rasuah.

Statistik tangkapan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), menunjukkan sebanyak 1101 kes berlaku pada tahun 2019. Pada tahun 2020 kes menurun kepada 998 kes, diikuti sebanyak 851 kes pada tahun 2021. Namun, pada tahun 2022, kes kembali meningkat kepada 909 kes, menunjukkan perbezaan peningkatan sebanyak 6.38% dan sehingga September 2023, jumlah kes telah meningkat sebanyak 978 kes (SPRM, 2023). Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di Malaysia juga menunjukkan trend penurunan dan peningkatan yang tidak konsisten pada saban tahun. CPI di Malaysia ditunjukkan dalam Jadual 1 dengan fokus bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2022. Pada tahun 2019, kedudukan CPI Malaysia mengalami peningkatan hingga mencatatkannya di tangga 51 daripada 180 buah negara berbanding kedudukannya di tangga 61 pada tahun 2018. Namun, pada tahun 2020, negara Malaysia mencatatkan penurunan CPI di tangga 57 dan terus menunjukkan peningkatan CPI semula pada tahun 2021 di kedudukan 62 daripada 180 negara. Manakala pada tahun 2022 kedudukan CPI mengalami penurunan ke kedudukan 61 daripada 180 negara (SPRM, 2023). Oleh itu, kerajaan menyasarkan supaya CPI Malaysia berada di kedudukan 30 teratas. Bagaimanakah untuk mencapainya?

Jadual 1: Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2016-2022

Tahun	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kedudukan	55	62	61	51	57	62	61
Skor (%)	49	47	47	53	51	48	47
Negara	175	180	180	180	180	180	180

Sumber: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2023

Melihat kepada kes-kes rasuah yang semakin menjadi virus dalam masyarakat, maka usaha untuk menangani rasuah yang lebih agresif perlu dilakukan kerana jenayah rasuah menjadi penghalang ke arah pembangunan negara dalam mengisi matlamat Pembangunan Lestari (SDG11). Persoalannya, bagaimana rasuah dapat dihapuskan sehingga ke akar umbi?

Bertitik tolak daripada persoalan itu, nilai integriti perlu dibudayakan dalam masyarakat. Sikap masyarakat yang memandang enteng akan nilai integriti dilihat sebagai punca utama terjadinya rasuah. Integriti merujuk kes pecah amanah, tidak jujur, tidak menepati masa dalam pekerjaan dan tidak berpegang kepada prinsip. Apabila integriti tidak dibudayakan dan ditambah pula dengan ruang dan peluang yang terbuka maka berlakulah jenayah rasuah. Dalam konteks rasuah ini, nilai integriti berkaitan dengan suatu nilai untuk melakukan perbuatan baik atau betul meskipun tiada sesiapa yang melihatnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa, rasuah berlaku disebabkan oleh dua faktor, iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran melibatkan faktor kewangan, ekonomi dan kos sara hidup yang semakin tinggi. Manakala, faktor dalaman berlaku apabila masyarakat terlepas daripada nilai yang mendasari perbuatan mereka iaitu, "integriti".



Sinar Harian. 31 Januari 2021, hlm 1.

Kesimpulannya, setiap individu perlu memainkan peranan dalam mencegah jenayah rasuah melalui penghayatan yang tinggi dalam menterjemahkan nilai integriti yang mendasari perilaku manusia ideal.

Lantaran itu, nilai integriti perlu disuburkan melalui penjagaan dan pengawalan aspek rohani. Ketidaksempurnaan dalam menjaga aspek rohani boleh menyebabkan gejala rasuah akan berterusan dan menjadi suatu kebiasaan oleh masyarakat di Malaysia. Oleh itu, jadikanlah integriti sebagai budaya dalam diri masyarakat kita agar rasuah dapat dihapuskan. Sesungguhnya nilai integriti bermula daripada diri kita sendiri. R

CABARAN WANITA BERKERJAYA: KESEIMBANGAN TUNTUTAN EKONOMI, TANGGUNGJAWAB DAN KESIHATAN MENTAL

Dunia hari ini menuntut kestabilan ekonomi untuk menjamin pengurusan keluarga yang baik, teratur dan harmoni. Oleh itu, akan terdapat perubahan peranan dalam menjana ekonomi keluarga. Kini, wanita dilihat berusaha menjana pendapatan keluarga dengan dua tujuan, iaitu untuk membina kerjaya dan meringankan perbelanjaan keluarga agar lebih selesa dan berkemampuan dari segi kuasa beli. Fenomena yang biasa dilihat, wanita bekerja perlu keluar untuk bekerja. Mereka bekerja dalam pelbagai sektor seperti pengurusan, perniagaan, perbankan, perkhidmatan, hospitaliti, pembersihan, kesihatan dan perubatan, pendidikan, seni bina, reka bentuk luaran dan dalaman, serta kerjaya profesional yang berkemahiran tinggi dan lasak seperti pembuatan, pembinaan dan pemasangan.

Sesuai dengan tuntutan ekonomi yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan dan keharmonian keluarga, suri rumah juga tidak ketinggalan untuk mempunyai kerjaya. Mereka melibatkan diri dalam bidang keusahawanan seperti penjualan produk dan perkhidmatan tanpa perlu keluar dari rumah dan pada masa yang sama boleh mengurus kerja rumah dengan baik dan teratur.

Kesedaran betapa pentingnya kestabilan ekonomi dalam keluarga, membuatkan seseorang wanita yang berkerjaya perlu memikul tanggungjawab yang lebih besar dan berat. Mereka perlu membahagikan masa, tenaga dan perhatian antara kerjaya dan keluarga. Malah, mereka mudah terdedah dengan pelbagai risiko kesihatan seperti keletihan, kekurangan zat jika pemakanan seimbang diabaikan. Malah penyakit seperti darah tinggi dan jantung boleh berlaku akibat tekanan kerja yang tinggi dan tidak diurus dengan baik.



Salah satu risiko kesihatan yang dihadapi oleh wanita berkerjaya ialah kesihatan mental. Kesihatan mental secara ringkasnya ialah keadaan kognitif bersamaan dengan emosi yang positif mahupun negatif bergantung kepada sesuatu yang dirasakan oleh seseorang individu itu terhadap apa-apa sahaja yang berlaku di sekelilingnya termasuklah individu dan kumpulan masyarakat di lokasi beliau berada dan bersosialisasi. Oleh itu, kesihatan mental sangat penting dalam diri seseorang individu kerana hal ini melibatkan persepsi terhadap diri dan orang lain termasuklah persekitarannya.

Persepsi merupakan pengaruh terbesar dalam membentuk, membina dan mengurus jati diri dalam kehidupan diri dan keluarga seseorang wanita berkerjaya. Persepsi juga merupakan kunci dalam cara melihat sesuatu perkara serta mengurus dan menangani isu terutama konflik, memberikan idea yang kreatif dalam menangani dan menyelesaikan masalah. Apa-apa sahaja persepsi yang terbentuk dalam diri juga dipengaruhi oleh tatacara hidup, asuhan, adab, budaya dan agama.

Persepsi yang disertai dengan tekanan perasaan akibat daripada keletihan kerana perlu mengimbangi tanggungjawab sebagai seorang pekerja dan suri rumah dalam keluarga juga boleh menjejaskan kesihatan mental seseorang wanita yang berkerjaya. Kesihatan mental seperti tekanan perasaan merupakan indikator terbesar dalam perubahan karakter seseorang wanita. Masalah kesihatan mental ini dapat dikesan sekiranya sebelum ini mereka selalu berfikir dan bertindak laku positif seperti penyabar, menuturkan kata-kata yang lembut dan sopan, bertoleransi, mempunyai daya penyelesaian yang memenangkan semua pihak, tetapi berubah menjadi seorang yang mudah marah, berkata kasar, tidak mahu mendengar pendapat orang lain, tidak mahu bertoleransi, mementingkan diri dan pelbagai emosi dan tingkah laku negatif yang lain.

Kesan daripada masalah kesihatan mental dalam kalangan wanita berkerjaya juga menunjukkan berlaku peningkatan kes dari tahun ke tahun. Kebanyakan mereka menghadapi masalah keruntuhan rumah tangga, menganiaya dan mendera ahli keluarga, terlibat dengan konflik dalam keluarga, masyarakat dan organisasi, menggunakan bahan terlarang seperti dadah dan pengambilan ubat terkawal yang berlebihan seperti ubat tidur dan ubat penenang perasaan (stres dan depresi) dan pelbagai lagi perlakuan tingkah laku langsung serta emosi negatif yang tidak terkawal.

“
Salah satu risiko kesihatan yang dihadapi oleh wanita berkerjaya ialah kesihatan mental. Kesihatan mental secara ringkasnya ialah keadaan kognitif bersamaan dengan emosi yang positif mahupun negatif bergantung kepada sesuatu yang dirasakan oleh seseorang individu itu terhadap apa-apa sahaja yang berlaku di sekelilingnya termasuklah individu dan kumpulan masyarakat di lokasi beliau berada dan bersosialisasi.
”



Maka, di sinilah perlunya keseimbangan antara tuntutan ekonomi dan cara mengurus dalam membina kesihatan mental yang baik dan diasah oleh wanita yang berkerjaya. Tidak dinafikan agak sukar untuk mencari titik keseimbangan ini kerana memerlukan kesedaran daripada semua ahli keluarga dan komuniti wanita yang berkerjaya. Oleh itu, keseimbangan dan kemuafakatan dalam rumah tangga perlu digalas secara bersama agar dapat meringankan beban tekanan terhadap wanita berkerjaya.

Selain itu, wanita berkerjaya boleh mendapatkan latihan mengurus diri dan kerjaya melalui pakar terlatih dan berpengalaman. Latihan seperti mengurus masa, mengimbangi penggunaan tenaga, mengurus dan menggunakan masa dengan baik, mengimplementasikan kaedah menyelesaikan sesuatu pekerjaan dengan kreatif dan efektif perlu dijadikan satu amalan hidup.

Amalan hidup yang baik, positif, teratur dan berterusan juga dapat membantu wanita berkerjaya dalam menguruskan keluarga dan juga pekerjaan. Secara tidak langsung, emosi negatif seperti tekanan perasaan dan depresi dapat dikawal dan dikurangkan. Bukan itu sahaja, amalan hidup yang baik mampu membina keyakinan dan jati diri dalam menghadapi segala cabaran hidup dengan tenang kerana berjaya membina jaringan sokongan daripada keluarga, komuniti setempat dan organisasi dalam mencari titik keseimbangan ekonomi dan kepelbagaian tanggungjawab yang perlu dilunaskan sehari-hari.

Dalam hal ini, seharusnya wanita yang bekerja sama ada di luar ataupun di dalam rumah diberi penghargaan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi agar segala usaha yang dicurahkan oleh mereka tidak menjadi sia-sia sebaliknya mendatangkan manfaat yang lebih besar kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara amnya.

R

BAHASA ASING

Kosa Kata Asas

	BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA JERMAN	BAHASA ARAB	BAHASA JEPUN	BAHASA KOREA	BAHASA MANDARIN	BAHASA THAI
1	Salam sejahtera	Hello	Hallo	مرحباً (Marhaban)	こんにちは (konnichiwa)	안녕하세요. (an nyung ha se yo.)	你好 (ní hǎo)	สวัสดี (sawàtdii)
2	Terima kasih	Thank you	Danke schön	شُكْرًا (Syukran)	ありがとうございます (arigatou gozaimasu)	감사합니다. (gam sa hap ni da.)	谢谢 (xièxie)	ขอบคุณ (khàwpkhun)
3	Maafkan saya	Excuse me	Entschuldigung	تَوَسَّعْتُ (Lau Samahlu)	すみません (sumimasen)	실례합니다. (shil le hap ni da.)	请问 (qǐngwèn)	ขอโทษ (khǎwthót)
4	Minta maaf	Sorry	Tut mir leid	آسَفَ (Asef)	すみません (sumimasen)	죄송합니다. (jwe song hap ni da.)	对不起 (duìbuqǐ)	ขอโทษ (khǎwthót)
5	Ya	Yes	ja	نَعَمْ (Na'am)	はい (hai)	네. (ne.)	是的 (shì de)	ใช่ (chǎi)
6	Tidak (Tak)	No	nein	لَا (La')	いいえ (iie)	아니요. (a ni yo.)	不 (bù)	ไม่ (mái) ไม่ใช่ (máichǎi)
7	Saya perlu pertolongan	I need help	Ich brauche Hilfe	أَحْتَاجُ إِلَى المُساعدَةِ (Ahtaju ilal musa adati)	たすけて ください (tasukete kudasai)	도와 주세요! (dowajuseyo!)	我需要帮助 (wǒ xūyào bāngzhù)	ผมต้องการความช่วยเหลือ (phǒm tǎngkhaan khwaamchúayláa)



Perbualan Asas: Mengenali Rakan Baharu

Bahasa Melayu

Sarah: Helo. Apa khabar?
 Ali: Khabar baik, terima kasih. Awak bagaimana?
 Sarah: Saya sihat. Apa (Siapa) nama awak?
 Ali: Nama saya Ali. Awak pula?
 Sarah: Saya Sarah.
 Ali: Gembira berjumpa dengan kamu, Sarah.
 Sarah: Saya juga.

Bahasa Arab

Sarah: هَلُو. مَا خَبْرُكَ؟ (Marhaban, kaifa haluka?)
 Ali: خَيْرٌ. الْحَمْدُ لِلَّهِ أَنَا بِخَيْرٍ. (Alhamdulillah ana bi khoir. Kaifa haluka?)
 Sarah: مَا اسْمُكَ؟ (Alhamdulillah ana aidhon. Mas muka?)
 Ali: اِسْمِي عَلِيٌّ، وَأَنْتِ؟ (Ismi Ali, wa anti?)
 Sarah: اِسْمِي سَارَه. (Ismi Sarah)
 Ali: تَسْرَعْتُ يَا سَارَه. (Tasyaruftu Ya Sarah)
 Sarah: أَنَا أَيْضًا (Ana aidhan)

Bahasa Korea

Sarah: 안녕하세요. (an nyung ha se yo.)
 Ali: 안녕하세요. (an nyung ha se yo.)
 Sarah: 이름이 뭐예요? (ee ireum ee mor ae yo?)
 Ali: 제 이름이 아리예요. 이름이 뭐예요? (jae ee-reum-ee- Ali ae yo. ireum ee mor ae yo?)
 Sarah: 제 이름이 사라예요. (jae ee-reum-ee- Sara ae yo.)
 Ali: 만나서 반가워요. (man-na-seo ban-ga-wo-yo)
 Sarah: 저도요. (jeo-doyo)

Bahasa Inggeris

Sarah: Hello. How are you doing?
 Ali: I am fine, thanks. How about you?
 Sarah: I am well. What's your name?
 Ali: My name is Ali. And you?
 Sarah: I am Sarah.
 Ali: Nice to meet you, Sarah.
 Sarah: Me too.

Bahasa Jerman

Sarah: Hallo! Wie geht's dir? (informal)
 Ali: Mir geht's gut, danke. und dir? (informal)
 Sarah: Mir geht's gut. Wie heißt du? (informal)
 Ali: Ich heiße Ali. und du?
 Sarah: Ich heiße Sarah.
 Ali: Schön, dich kennenzulernen.
 Sarah: Ebenso.

Bahasa Mandarin

Sarah: 你好! 你好吗? (nǐ hǎo! nǐ hǎo ma?)
 Ali: 我很好。谢谢。你呢? (wǒ hěn hǎo. xièxiè. nǐ ne?)
 Sarah: 我也很好。你叫什么名字? (wǒ yě hěn hǎo. Nǐ jiào shénme míngzì?)
 Ali: 我叫Ali。你呢? (Wǒ jiào Ali. Nǐ ne?)
 Sarah: 我叫Sarah. (Wǒ jiào Sarah)
 Ali: Sarah, 很高兴认识你. (Sarah, hěn gāoxìng rènshi nǐ)
 Sarah: 我也很高兴认识你. (Wǒ yě hěn gāoxìng rènshi nǐ)

Bahasa Thai

Sarah: สวัสดีค่ะ คุณสบายดีหรือคะ (sawətdii khā khun sabaay dii rǔu khā)
 Ali: สบายดีครับ,ขอบคุณ คุณละครับ (sabaaydi khāp, khòp khun khun lá khāp)
 Sarah: คุณก็สบายดีค่ะ คุณชื่ออะไรคะ (chān kǎo sabaaydi khā khun chǎu a-rai khā)
 Ali: ผมชื่ออานี คุณละครับ (phǎm chǎu a-nii khun lá khāp)
 Sarah: คุณชื่อซาร่าห์ค่ะ (chān chǎu sara khā)
 Ali: ยินดีที่ได้รู้จักครับ คุณซาร่าห์ (yindii thǎi dǎi rǔu-càk khāp khun sara khā)
 Sarah: เช่นกัน ค่ะ (chēnkan khā)

Nota: Dalam penulisan (skrip) Thai, perbualan yang merujuk pertanyaan tidak ditulis dengan tanda soal (?)

น้ (khāp/khā, digunakan oleh penutur perempuan)
 ะ (khā/khā, digunakan oleh penutur perempuan)
 (digunakan sebagai partikel bagi maksud santun di hujung ayat dan soalan).

Bahasa Jepun

Sarah: こんにちは。おげんきですか。 (Konnichiwa. Ogenkidesuka?)
 Ali: げんきです。あなたは どうですか? (Genkidesu. Anatawa doudesuka?)
 Sarah: わたしも げんきです。 (Watashimo genkidesu)
 Ali: わたしは アリーです。 (Watashirwa Ari- desu)
 Sarah: わたしは サラーです。 (Watashirwa Sara- desu)
 Ali: どうぞ よろしく おねがいします。 (Douzo yoroshiku onegaishimasu)
 Sarah: どうぞ よろしく おねがいします。 (Douzo yoroshiku onegaishimasu)

Penerangan:

Walaupun ada frasa 'Helo', 'Apa khabar' dan 'Saya sihat' dalam bahasa Jepun, tetapi frasa ini tidak digunakan untuk perjumpaan kali pertama. Sebaliknya, frasa 'Hajimemashite' akan digunakan, dan biasanya orang pertama yang akan memperkenalkan diri mereka dahulu (tanpa sebarang halangan) dan diikuti oleh orang kedua atau ketiga. Susunan ayat dan pengenalan diri yang biasa digunakan dalam bahasa Jepun seperti di bawah. Amatlah penting untuk bersopan-santun dalam budaya Jepun dan memberi tanggapan yang baik pada kali pertama.

はじめまして。わたしは アリーです。
 (Hajimemashite. Watashi wa Ari- desu)
 Apa khabar? Nama saya Ali.

アリーと よんで ください。
 (Ari- to yonde kudasai)
 Boleh panggil Ari.

ブルリスから きました
 (Pururisu kara kimashita)
 Saya datang dari Perlis.

どうぞ よろしく おねがいします。
 (Douzo yoroshiku onegaishimasu)
 Selamat bertemu/Gembira bertemu dengan kamu.

Penyumbang:

Safinur Chin (Bahasa Jerman)

Nurul Najihah Ramlan (Bahasa Mandarin)

Sareepa Jearwae (Bahasa Thai)

Wang Jing (Bahasa Korea)

Aina Husnina Hanizan (Bahasa Jepun)

Mohd Fikri Aiman Mohd Zulkefli (Bahasa Arab)



MENDEKATI BAHASA DAN BUDAYA JERMAN

Suasana masyarakat pada hari ini sudah semestinya tidak asing lagi dengan pengaruh bahasa-bahasa di dunia sama ada daripada penutur asing yang berdekatan dengan wilayah yang kita duduki mahupun jauh di benua lain. Faktor kemudahan dalam mengakses pelbagai platform media sosial pada hari ini menjadikan sesuatu bahasa dan budaya asing 'hegemoni' tanpa disedari berbanding dengan zaman yang kebergantungan segala maklumatnya adalah daripada arus perdana yang bersifat selektif dalam menayangkan drama bahasa asing. Biasanya, itulah saluran yang lebih hampir dengan kita di rumah, yang suatu ketika dahulu sering kali disebut-sebut sebagai "setan empat segi".

Bahasa asing merupakan antara bahasa yang menjadi suatu kecenderungan tertentu oleh seseorang individu mahupun dalam sekelompok masyarakat tertentu. Penentuan minat yang bersifat individual ini adalah sama ada untuk meningkatkan kemahiran sendiri dalam menguasai sesuatu bahasa asing itu mahupun untuk tujuan pembelajaran. Namun, bagi sesetengah individu, proses untuk mendalami sesebuah bahasa adalah bermula dengan menjadikannya sebagai suatu hobi.

Permulaan Timbulnya Minat Terhadap Bahasa Jerman

Permulaan penulis untuk membuat keputusan bagi mempelajari bahasa Jerman adalah sejak menyedari bahawa dirinya telah memperoleh keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ketika di bangku sekolah rendah lagi. Pada masa yang sama, penulis juga sangat berminat dengan bahasa asing sehinggakan dirinya tertunggu-tunggu rancangan dan cerita yang 'kena' dengannya untuk ditonton. Minat yang mendalam terhadap bahasa asing membuatkan penulis menonton pelbagai rancangan bahasa asing sama ada rancangan tersebut berbahasa Tagalog, Sepanyol mahupun Hindi di samping gemar mendengar pelbagai lagu bahasa asing.

Semenjak itulah, penulis menunjukkan minat yang berterusan dalam mempelajari bahasa asing dan secara tidak langsung telah mendorong penulis untuk mendalami bahasa asing yang ingin diterokai, iaitu bahasa Jerman walaupun rata-ratanya bahasa tersebut bukanlah bahasa yang menjadi pilihan hati atau popular di Malaysia. Bagi penulis, bahasa Jerman adalah pilihan kedua selain bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing selepas bahasa Inggeris disebabkan oleh cabang kerjaya seperti penterjemah bahasa yang ingin diceburi oleh penulis.

Persediaan Mendalami Bahasa Jerman

Mendalami bahasa Jerman pada awal permulaannya membuatkan penulis merasakan ujaran bahasa ini sukar untuk disebut dan kedengarannya agak kasar. Namun, dengan latihan sebutan yang lebih kerap, penulis mendapati bahawa keserasian bunyi ujaran bahasa ini dengan bunyi loghat utara yang dimiliki penulis memudahkan penulis untuk menghasilkan sebutan yang diujarkan yang lebih mudah dan lebih dekat dengan ketepatan bunyi sebenar bahasa tersebut. Misalnya, terdapat sebutan bagi huruf [r], seperti perkataan *Rat* (nasihat), dibunyikan sebagai [gh] iaitu [ghat]. Pembelajaran bahasa Jerman lebih mengujakan penulis apabila berpeluang menggunakan bahasa Jerman di tanah asal Jerman sendiri semasa mengikuti program pertukaran pelajar di sana ketika berada pada peringkat Ijazah pertama.

Untuk berjinak-jinak dengan bahasa ini, pengalaman pertama penulis adalah dengan menyediakan diri dari segi mental untuk mempelajari bahasa Jerman. Penulis meletakkan mindset dengan mencuba apa-apa sahaja cara yang sesuai bagi membolehkan penulis bertutur serta memahami ciri-ciri yang terdapat dalam tatabahasa Jerman. Penulis didedahkan dengan aktiviti perbincangan berdasarkan topik yang akan membantu pengembangan kosa kata sekali gus mengukuhkan kemahiran bertutur penulis.

Sepanjang pembelajaran, penulis membawa kamus ke mana-mana sahaja supaya dapat memahami dan memulakan perbualan dengan seseorang. Tambahan pula, bagi melaksanakan urusan tertentu seperti di kaunter bank dan di kedai telekomunikasi, cara ini dapat mendorong penulis untuk berkomunikasi secara nyata (real) pada masa tersebut. Penulis juga berkomunikasi dengan rakan antarabangsa yang lain yang turut mengambil kursus komunikasi bahasa Jerman di sana. Sepanjang tempoh tersebut, penulis acap kali mencatat makna dan cara sebutan bagi perkataan baharu yang didengari. Cara ini bagi membolehkan penulis mengingat dan menyebut perkataan tersebut dengan tepat. Selain itu, penulis berpeluang menghadiri sesi tontonan filem baharu dalam bahasa Jerman beberapa kali yang dianjurkan oleh Kelab Bahasa Jerman.

Kenangan ketika mempelajari bahasa Jerman di bumi asing membuatkan penulis merasa teruja dapat mengenali pelajar-pelajar yang mengikuti program pertukaran dari negara-negara lain, yakni penulis berpeluang bertutur dalam bahasa Jerman dalam tempoh lima bulan ketika berada di sana. Ketika itu, penulis mampu bertutur dengan lancar tanpa memerlukan proses menterjemah terlebih dahulu dalam fikiran penulis. Penulis dapat merasakan itulah antara saat yang menjadi permulaan peningkatan keupayaan penulis dalam penguasaan bahasa Jerman sehingga hari ini.

Manfaat Berbahasa Asing kepada Pelajar

Sebagai pengajar bahasa ini, penulis amat mengalakkan para pelajar untuk mempelajari bahasa Jerman dan secara tidak langsung dapat memenuhi saranan Kementerian Pengajian Tinggi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dengan nilai tambah melalui kemahiran bertutur dalam bahasa asing. Selain dijadikan sebagai nilai tambah dalam sesuatu bahasa asing, pelajar berpeluang mengenali budaya dalam bahasa tersebut secara tidak langsung serta mendalami cara hidup positif, seperti pelajar boleh mengamalkan sikap dan budaya positif penutur jati. Misalnya, penutur jati Jerman mementingkan ketepatan masa. Penulis juga berpandangan bahawa, bahasa Jerman mudah untuk dipelajari sekiranya pelajar dapat menyesuaikan sedikit sebanyak penguasaannya mereka dalam ilmu bahasa Inggeris dan dirasionalkan dalam bahasa Jerman. Namun, pelajar diingatkan untuk tahu perbezaan sebutan dan perkataan bahasa Inggeris dengan bahasa Jerman semasa proses pembelajaran.

Dengan kemahiran bahasa Jerman yang dimiliki, pelajar mampu memanfaatkan kemahiran bahasa ini dalam menjalankan komunikasi seharian mahupun dalam keperluan tertentu terutamanya apabila penguasaannya yang lebih dalam menggali ilmu bidang kejuruteraan khususnya serta teknologi dan perniagaan amnya.

Alat Bantu dalam Mempelajari Bahasa Jerman dengan Berkesan

Penulis berpendapat bahawa, proses pemerolehan kemahiran bahasa asing kini lebih mudah dengan adanya bantuan teknologi seperti telekomunikasi yang dapat menghubungkan pelajar dengan penutur jati serta pelajar-pelajar bahasa Jerman yang lain. Pelajar bahasa Jerman berpeluang untuk berkomunikasi dengan penutur jati dengan menggunakan aplikasi Lingbe misalnya. Dengan salah satu kaedah ini, pelajar akan berkemahiran berkomunikasi sekali gus mempelajari nada percakapan bahasa Jerman.

Selain itu, penguasaan kosa kata ataupun mempelajari perkataan baharu mampu dilatih dengan menggunakan aplikasi seperti Memrise dan Quizlet. Di samping itu, dengan membuat latihan menggunakan platform permainan dalam talian misalnya, aplikasi Wordwall dapat memotivasikan pelajar dan memberi semangat untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang disediakan oleh tenaga pengajar.

Asosiasi Konteks Budaya Jerman dalam Kehidupan

Bercerita tentang dunia pendidikan dan konteks pembelajarannya, negara Jerman mengutamakan pendidikan berbanding aspek lain. Hal ini dapat dilihat pembiayaan pendidikan tidak dikenakan kepada pelajar antarabangsa apatah lagi kepada rakyatnya. Suasana sebegini menunjukkan pemerintah Jerman meletakkan sikap mengutamakan budaya keilmuan yang tinggi supaya dapat dikuasai oleh majoriti rakyatnya tanpa perlu bergantung kepada beban hutang pendidikan.

Dari segi corak pemikiran, orang Jerman mempunyai sikap yang lebih terbuka, jujur dan berani menyuarakan pandangan berbanding dengan orang Malaysia yang berhati-hati dalam pertuturan dan mengutamakan kesopanan dalam berkata-kata. Penekanan amalan membaca yang tinggi di sana telah memberi sumbangan yang besar dalam membentuk sikap orang Jerman yang lebih dominan dalam menyuarakan pendapat. Tidak hairanlah negara Jerman adalah antara negara yang diiktiraf sebagai negara maju.

Penulis mengagumi budaya negara Jerman yang sangat menghargai waktu. Suasana ini dapat dilihat dalam pengurusan masa di kaunter universiti dan juga ketika waktu menunggu kereta api tiba.

Selain mendalami bahasa, memahami budaya Jerman ini tidak kurang hebatnya untuk dicontohi. Budaya yang baik ini diharapkan dapat menjadi sandaran dalam membentuk disiplin dan profesionalisme dalam kalangan masyarakat Malaysia. Penulis mengharapkan supaya masyarakat dapat meningkatkan diri demi pembangunan masyarakat yang lebih produktif seterusnya dapat menyumbang kepada negara menerusi amalan budaya berbahasa yang baik dalam pelbagai bidang dan konteks kehidupan sehari-hari. 

Catatan:

Penulis ialah seorang tenaga pengajar Bahasa Jerman di UniMAP.

CHATGPT: BOON OR BANE IN CLASSROOMS?

With AI's rise, particularly the persuasive prose producing ChatGPT, educators are questioning: is AI a boon or bane? Could it fool plagiarism checks and compromise essay assignments? This fear, likely born of reluctance to embrace new assessment methods, intensifies as Microsoft plans to introduce ChatGPT into mainstream education.

Rather than fret over the inability of AI like ChatGPT to self-verify its outputs, we should focus on the benefits it brings, such as auto-completing codes, enhancing grammar, generating game narratives, improving search responses, and providing answers.

Remember the Chinese schoolgirl who automated her homework? It's not about technology outsmarting teachers but a sign that we must adapt our methods to embrace these advancements. Similar to how calculators and computers became indispensable aids, ChatGPT could become a regular part of our writing routines. This shift presents an opportunity to rethink assessments, using them as and for learning.

ChatGPT, rightly used, could assist in innovative teaching strategies like flipped learning or multimedia assignments, providing different problem-solving scenarios. It could foster collaboration and teamwork, enhancing our learning communities.

As we navigate this brave new world of AI in education, the route is pretty straightforward. For students, it's like this: Think of AI tools like ChatGPT as your trusty sidekicks, always ready to assist with initial research and brainstorming but not to do your entire job. Also, remember that with great power comes great responsibility. Using AI carries ethical considerations, such as academic integrity and respect for intellectual property rights. And don't forget, always wear your critical glasses when reviewing AI outputs. This helps you distinguish high-quality text from anything that might lead you astray.

Switching gears to institutions, imagine ChatGPT as a helpful teaching assistant rather than a substitute teacher. This perspective helps in framing the right policies, policies that strike a balance between embracing the AI revolution and upholding academic integrity. And what about the teachers? They need the right tools in their kit too. Providing faculty with the necessary training allows them to guide students effectively in using AI.





Figure 1: DALL-E (AI) created a picture based on the instruction: "Create a painting about artificial intelligence and higher education in the style of Vincent Van Gogh."

Now, an apple a day might keep the doctor away, but in the world of education, it's a consistent investment in research that keeps us in the know, especially when it's about AI's role in education.



THE POWERFUL IMPACT OF MUSIC, MOVIES, AND TV SERIES ON STUDENTS' ACADEMIC ENRICHMENT

As the demands and pressures of university life continue to escalate, maintaining good mental health becomes vital for students' overall well-being. Engaging in leisure activities, such as listening to songs and watching movies or TV series, can relieve stress, improve mood, and enhance mental health. However, there is more to be gained from these entertainment sources, especially in the context of language learning. It is essential to change the mindset that views such activities as mere distractions and recognise them as valuable tools for academic enrichment. As a language instructor, incorporating music, movies, and TV series into the classroom can be a powerful tool for improving teaching methods and enhancing students' educational experiences. Let's explore how these forms of entertainment can effectively complement language learning and contribute to students' overall academic development.

Language Exposure and Immersion

Integrating songs, movies, and TV series into language lessons exposes students to authentic language usage, diverse accents, and colloquial expressions. This immersion in real-life contexts helps students grasp the nuances of the language, enhancing their comprehension and communication skills.

Vocabulary Expansion

Songs, movies, and TV series often introduce students to new words and phrases that might not be found in textbooks. Encouraging students to watch subtitled movies or TV series in the target language exposes them to a broader vocabulary range and helps them build a more extensive lexicon.

Listening and Pronunciation Practice

Listening to songs or dialogues in movies and TV series helps students hone their listening skills and familiarise themselves with natural pronunciation and intonation patterns. Mimicking native speakers' speech aids in improving pronunciation and overall language fluency.

Engaging and Motivating Learning:

Introducing entertaining content in the form of music or compelling storylines captivates students' interest, making language learning more enjoyable and motivating. This engagement can lead to increased participation and a more immersive learning experience.

5. Speaking and Role-play Exercises:

Using scenes from movies or TV series as prompts for role-play exercises encourages students to engage in conversations and develop their speaking abilities. This practical application of language skills promotes confidence and active participation in language classes.

6. Creative Writing and Analysis:

Movies and TV series offer excellent opportunities for students to analyse dialogues, characters, and plot developments. Engaging in discussions or writing reviews of films in the target language stimulates critical thinking and creative writing skills.

7. Multimodal Learning:

Combining traditional language instruction with multimedia resources like songs, videos, and TV series creates a multimodal learning environment. This approach accommodates different learning styles, ensuring students' well-rounded and comprehensive language learning experience.

In conclusion, the manifold benefits of leisure activities, such as listening to songs and watching movies or TV series, are pivotal in nurturing university students' mental well-being and academic enrichment. Beyond their capacity for stress relief and mood enhancement, these entertainment sources offer profound advantages in language learning. By incorporating music, movies, and TV series into language classrooms, instructors can provide students with authentic language exposure, expand their vocabulary, and foster cultural understanding. Furthermore, the engagement and motivation from these entertaining mediums enhance various language skills, including listening, speaking, and creative writing. Embracing a multimodal learning approach that integrates multimedia resources empowers educators to cater to diverse learning styles, ensuring students' more immersive and comprehensive language learning experience. Thus, it becomes imperative to continue embracing the therapeutic potential of entertainment while dispelling any notion of distraction, recognising these valuable tools as significant contributors to students' overall academic development and well-being. 



BENEFITTING ONLINE LEARNING; ARE WE CREATING A 'POSITIVE LEARNER' OR 'NEGATIVE LEARNER'?

One must agree that there are a lot of advantages in online learning especially now that we now live in a world of digital communication technology and immediate access to information, making users into 'know-it-alls'. As online learning offers flexibility, many universities and other higher institutions have taken the opportunity to make students' life easier to attend classes, doing and submitting assignments, organising tests and examinations, and many more. This indicates that technology optimises efficiency in everyday work especially in teaching and learning for both educators and learners.

Therefore, we often say, we are creating fast and smart learners as students who have knowledge and skills in operating and executing different types of technology with the use of internet and service provider facilities to become more focused on completing tasks given, thus more creative and innovative. They are able to complete difficult tasks which previously may have taken a longer time, requiring cost or even a number of people to accomplish.

However, there are downsides of the 'beauty' of online learning in the world of teaching and learning. It has become more apparent that something has removed the 'motivation' of a true and honest learning environment. Too much of online learning has built up a negative 'energy' and spread a cloud of laziness, creating a syndrome of nonchalant awareness and loss of originality among students.

It can heighten the risk of being internet dependent whereby students would no longer exercise their analytical mind in solving problems or engage in critical thinking to find solutions as everything has been provided on the net. Just a click away from so many 'help sites' that provide 'solutions'.

This is why there are endless stories on plagiarism and similarities in students' coursework, final year projects and so on. Students are now finding 'ways' in trying not to be diligent but to be 'smart' in doing and completing their tasks. They are too caught up with the work of others and fail to construct their own original and unique ideas.

Not just that, taking online learning for granted can produce disastrous results in the development of social interaction between educators and learners. As the 'true nature' of communication is reduced (which happens only in traditional learning environments; whereby body language, facial expressions, gestures etc. can be seen directly and felt by the other people/parties) it has removed 'connectedness' and the sense of belongingness between learners and educators.

As there is reduced emotional connection, one would feel unimportant and will not be able to give their utmost attention during classes. Most of the time, students will feel disconnected from their lecturers and remain silent without the motivation to discuss their lessons during classes. They only prefer to appear 'visibly there' on the screen, and whether they listen to the lecture or not is debatable. At the end of the day, lecturers/teachers would be having one-way interaction in delivering material without the commitment or participation of students in the lessons' dialogue.

In conclusion, we might agree that online learning does offer great help in the teaching and education field but a dark side looms over the supposedly positive cognitive and psychosocial development of learners and educators as well. 



11 FAQs ABOUT MUET AT UniMAP

Q: WHY DO I NEED TO TAKE MUET?

A: MUET, or Malaysian University English Test, is a test that measures the English language proficiency of candidates and their ability to use and understand English in different contexts in the environment of higher education.

Q: WHAT DOES MUET COVER?

A: MUET tests all four language skills, Listening, Speaking, Reading and Writing, and assesses candidates' level of proficiency using aggregated scores ranging from 1 to 360, which correspond to Bands from 1 to 5+. results certificate is given to all candidates who complete all four components of the test.

Q: WHEN IS MUET CONDUCTED?

A: MUET is administered three (3) times a year, and the sessions are named MUET Session 1, MUET Session 2 and MUET Session 3. The Listening, Reading and Writing tests are taken on the same day, but the Speaking test is taken at times spread over a duration of two weeks. Candidates can obtain information about their test dates using the MUET registration slip (MUET/D), which can be downloaded from the MEC portal <http://www.mpm.edu.my>.

Q: WHERE IS MUET CONDUCTED?

A: State Education Departments will provide a list of possible test centres, taking into account the towns in which candidates wish to take the test. Candidates are responsible to choose the centre they wish to take the test.

Q: I AM A UNIMAP STUDENT. WHAT TYPE OF CANDIDATE AM I?

A: If you are a UniMAP student, you are considered a PRIVATE CANDIDATE (Calon Persendirian).

Q: What is the difference between UniMAP(A) and UniMAP (B)?

A: UniMAP provides TWO (2) test centres for each sessions of MUET, namely UNIMAP PUSAT A and UNIMAP PUSAT B. Although there are 2 centres allocated (UniMAP A & UniMAP B), the test will be done at the same venue, hence there will be no problem in choosing either one. All MUET exams for both centres will be conducted at UNIMAP KAMPUS PAUH.

For Paper Listening 800/1, Paper Reading 800/3, Paper Writing 800/4, it will be conducted on the same day at Dewan Ilmu, UniMAP Pauh Putra.

For Paper Speaking 800/2: Kelas Kabin English & Pre-University Preparatory Programme (EPPP), Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Elektrik (FKTE).

MEC created two different centres (UniMAP A & UniMAP B) due to speaking skill allocation. Speaking exam for UniMAP A & UniMAP B centres will be conducted at EPPP, FKTE but in a different room.

Q: WHO NEEDS TO TAKE MUET?

A: (i) Prospective students who intend to pursue undergraduate studies. (ii) Adult learners of English and others who need use English in the workplace

Paper code	Paper	Duration	Max. score	Weightage
800/1	Listening	50 min	90	25%
800/2	Speaking	30 min	90	25%
800/3	Reading	75 min	90	25%
800/4	Writing	75 min	90	25%



Speaking Venue UniMAP A and UniMAP B at Bilik Cabin EPPP, FKTE.

Q: DO I NEED TO BUY PIN NUMBER FOR MUET REGISTRATION?

A: Private candidates ARE NOT required to buy a pin number from BSN to register for MUET starting Session 1 2022 onwards.

Q: HOW DO I REGISTER?

A: Registration for MUET and MoD can be made online through the MEC portal. To register, go to: <https://muet.mpm.edu.my> and make online payment of RM150.00 (Malaysian) or RM350.00 (Non-Malaysian) as instructed.

Dates for registration will be advertised by the MEC in local newspapers and the MEC portal.

For a step-by-step guideline on how to register for your MUET, kindly refer to this User Guide MUET Registration for Private Candidates at https://muet.mpm.edu.my/User_Guide_MUET_Reg_for_private_candidate_V2.pdf




Q: HOW DO I KEEP UPDATED WITH MUET AT UNIMAP?

A: Do join our UNIMAP MUET OFFICIAL TELEGRAM CHANNEL group at <https://shorturl.at/ijlAD>



Q: I HAVE MORE QUESTIONS REGARDING MUET, WHO CAN I CONTACT AT UNIMAP?

A: You may contact our MUET coordinator, Ms. Adila Hakimi at adilahakimi@unimap.edu.my 



Judul: **BARAT DARIPADA CERMINAN WATAN: Gelintaran Fikir Al-Attas dan Za'ba**
 Penulis: **Muhamad Hanapi**
 Penerbit: **CENDEKIA**
 Tahun Terbitan: **2023**
 Harga/Halaman: **RM60/279**

Penerbitan karya terbaharu ini menampilkan dua susuk terkenal dalam kalangan intelektual negara iaitu Tan Sri Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas dan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba). Karya bertajuk Barat Daripada Cerminan Watan: Gelintaran Fikir al-Attas dan Za'ba memuatkan idea-idea penting yang mencerminkan penilaian pencapaian intelektual al-Attas sebagai tokoh pemikir dan Za'ba yang mendapat julukan tokoh bahasa, dan kedua-duanya saling menghargai keserjanaan masing-masing. Antara idea awal yang diberi perhatian oleh penulis ialah mengemukakan definisi dari sudut falsafah mengenai konsep Barat itu sendiri di samping sudut pandang daripada kedua-dua orang tokoh tersebut.

Al-Attas dalam karya beliau Risalah Untuk Kaum Muslimin memberi tumpuan terhadap pandangan alam (worldview) masyarakatnya iaitu "...Kebudayaan Barat itu adalah hasil warisan yang telah dipupuk oleh bangsa-bangsa Eropah dari Kebudayaan Yunani Kuno yang kemudian diadun pula dengan campuran Kebudayaan Rumawi dan unsur-unsur lain dari hasil citarasa dan gerak daya bangsa-bangsa Eropah sendiri, khususnya dari suku-suku bangsa Jerman, Inggeris dan Perancis."

Definisi di atas jelas menunjukkan secara tuntas bahawa kebudayaan Barat itu diasaskan oleh tamadun Yunani dan Rumawi yang melahirkan kebudayaan Yunani kuno serta nilai anutan kebudayaan Rumawi purbakala, seterusnya membentuk nilai dasar-dasar falsafah, kenegaraan, pendidikan, ilmu pengetahuan, kesenian, undang-undang yang mencitrakan kebudayaan Barat itu sendiri. Melihat kepada Za'ba sebagai pendeta bahasa, beliau menggambarkan Barat dengan istilah "bangsa-bangsa besar" atau "bangsa-bangsa maju" yang menayangkan pencapaian sains dan pemodenan sebagai kuasa besar dunia. Namun, bagi Za'ba, pencapaian tersebut hanya dari sudut fizikal dan tidak seimbang kerana meminggirkan agama dalam kehidupan mereka.

Perbahasan yang menarik perhatian dalam karya ini adalah apabila penulis membentangkan idea penting iaitu akar permasalahan tradisi intelektual Barat yang melibatkan kekeliruan epistemologi. Al-Attas dalam beberapa karyanya sering menyentuh aspek epistemologi sama ada daripada tradisi Barat mahupun daripada tradisi Islam, manakala Za'ba pula memahami ilmu dalam konteks yang sederhana. Dalam tradisi Barat, keraguan/syak (doubt) diangkat sebagai salah satu kaedah untuk mencapai kebenaran yang akhirnya gejala kekeliruan ini menular kepada persoalan-persoalan metafizik dan ketuhanan. Hal ini menyebabkan peradaban Barat kehilangan makna diri, tujuan hidup, hakikat ilmu dan sebagainya. Dalam konteks ini (abad ke-21) yang disebut sebagai pascakebenaran (post-truth), wujudnya kekeliruan antara perbezaan ilmu dan maklumat, siapa yang berwibawa untuk menyampaikan ilmu sehinggakan gejala ini menyebabkan jiwa dan roh menjadi kosong kesan daripada keraguan tersebut? Gejala-gejala ini telah dibincangkan oleh Profesor Harry Lewis dalam karya beliau yang terkenal berjudul Excellence Without Soul.

Seterusnya, penulis menyatukan intelektual kedua-dua orang tokoh ini dari aspek sumbangan terhadap perkembangan bahasa Melayu tinggi yang bermakna dalam karya-karya mereka. Sebagai contoh al-Attas mengungkapkan kalam indah bermakna dalam Rangkaian Ruba'iyat yang berbunyi;

Kepada Para Penyair:

Bangunlah! Kalam, kau kuda Pahlawan Sastra,
 Galakkan debu tempuran seni Bahasa;
 Tempikkan suaramu dilapangan Puisi
 Dan petik lagammu dari taman Fantasi

Za'ba pula dalam Majalah Guru berbunyi,


Hidup manusia dua pihaknya
 Satu di dunia badan busuknya
 Satu akhirat tujuan rohnya
 Wajiblah ilmu bagi keduanya

Oleh itu, karya ini merupakan bacaan penting bagi tahun 2023 bagi pembaca yang sering bergelumang dengan idea-idea besar dan dapat menanggapi secara kritikal. Saya akhiri ulasan ringkas ini dengan petikan daripada karya al-Attas yang berbunyi;

**Hati yang hampa tiada mengandung Sejarah Bangsa,
 Tiadakan dapat tahu menilai hidup yang mulia;
 Penyimpan Khabar zaman yang Lalu menambah lagi
 Pada umurnya berulang berkali-ganda**

Syed Muhammad Naquib al-Attas, Islam
 Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu
 (1972).





Judul: **BULAT SEGILING, PECAK SETAPIK: Naratif Covid-19 di UniMAP**
 Editor: **Harshita Aini Haroon & Mohamad Zaki Abdul Halim**
 Penerbit: **Penerbit UniMAP**
 Tahun Terbitan: **2022**
 Halaman: **345**

Awal tahun 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengumumkan COVID-19 sebagai satu wabak penyakit coronavirus dengan nama lain iaitu SARS-CoV-2 atau sebelumnya dikenali sebagai 2019-nCoV. Kes pertama kali muncul di sebuah pasar makanan laut di Selatan Hunan bandar Wuhan, Wilayah Hubei, China pada 12 Disember 2019 dan merupakan sejenis wabak sindrom pernafasan akut yang kritikal. Pada 30 Januari 2020, WHO dengan rasminya telah mengisytiharkan penularan ini sebagai wabak epidemik yang perlu diberi perhatian antarabangsa sebagai kecemasan kesihatan awam. Coronavirus ini bukan lagi menjadi sebuah epidemik iaitu yang hanya melibatkan jumlah besar pada populasi sebuah masyarakat, sebaliknya telah bertukar ke pandemik yang telah merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia.

Kes pertama COVID-19 di Malaysia telah dikesan pada 25 Januari 2020 yang melibatkan tiga warganegara China iaitu orang yang disiasat atau Person Under Investigation (PUI) mempunyai sejarah hubungan rapat dengan orang yang dijangkiti di Singapura. Rakyat Malaysia pertama yang disahkan dijangkiti COVID-19 adalah pada 4 Februari 2020 iaitu merupakan seorang lelaki berumur 41 tahun yang mempunyai simptom demam dan batuk semenjak pulang dari Singapura. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil pendekatan yang baik dan langkah pantas bagi membendung penularan wabak dengan memperkenalkan tiga strategi penting iaitu pencegahan, pembendungan dan kawalan.

COVID-19 yang melanda dunia tanpa diduga telah banyak mengajar kita khususnya warga Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tentang kebersamaan hidup. Dalam perjalanan mengharungi cabaran COVID-19, warga UniMAP tanpa sedar telah terdidik dengan sesuatu yang sangat bermakna yakni semangat saling melindungi. Keupayaan yang didorong oleh kesungguhan telah menguatkan semangat juang dalam menghadapi COVID-19. Segalanya dirunding, diikhtiarkan dan disepakati secara bersama-sama demi mencapai matlamat meneruskan kehidupan pada era pandemik dengan penyesuaian tatacara hidup yang baharu. Semangat kebersamaan yang lahir daripada kesepakatan ini telah mencetuskan idea seterusnya melahirkan penulisan buku berjudul Bulat Segiling, Pecak Setapik: Naratif COVID-19 di UniMAP.

Sehingga hari ini, seluruh dunia bukan sahaja masih berjuang menangani COVID-19 tetapi secara serius merangka, mengerakkan dan mengawal kesan-kesan langsung dan tidak langsung yang menghimpit negara masing-masing. Pengalaman Malaysia dalam mengekang COVID-19 bermula dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan berkuat kuasa pada 18 Mac 2020 selama dua minggu sehingga akhir bulan Mac. Kemudiannya, PKP disambung ke fasa-fasa seterusnya iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan akhirnya Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sehingga 31 Disember 2020. Jika dilihat kepada garis waktu, sudah pasti pandemik ini menjejaskan banyak perkara terutamanya kepada rakyat Malaysia yang perlu menerima dan mengadaptasi norma-norma baharu dalam kehidupan mereka.

Buku ini merakamkan situasi COVID-19 di UniMAP sejak pertengahan Mac 2020 yakni ketika penularan kes tempatan semakin serius yang menyebabkan kerajaan mengambil pendekatan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehinggalah penghujung Ogos 2020. Pendokumentasian ini menggarap seribu satu pengalaman UniMAP sejak bermulanya PKP Fasa Satu hingga PKP Fasa Empat (18 Mac 2020 hingga 12 Mei 2020) sehingga menempuh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan seterusnya melewati Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Tempoh ini amat penting untuk didokumentasikan kerana seluruh negara berada dalam suasana penghidupan yang amat asing daripada sebelum kedatangan pandemik COVID-19. Sepanjang tempoh ini, pengalaman warga UniMAP mengharunginya telah didokumentasikan dalam buku ini. Pengkisahannya dibahagikan kepada banyak bab yang merakamkan pengalaman warga UniMAP daripada pelbagai perspektif termasuk aspek pengurusan, proses pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan inovasi, advokasi awam dan cabaran warganya dalam menghadapi situasi berkerja di rumah yang dianggap sebagai suatu kaedah bekerja yang baharu.

Pengalaman UniMAP berhadapan dengan COVID-19 yang terhimpun sejak Mac hingga Ogos 2020 menjadi garapan yang bermakna kepada semua pihak, terutama dalam dua aspek. Pertama, episod tersebut telah menggambarkan kepada warga universiti tentang kepentingan bersatu hati dan berdaya tahan dalam menghadapi suasana kehidupan yang tidak menentu; dan kedua, meningkatkan kesediaan dan keupayaan semua dalam menghadapi bencana dan mengurus krisis dengan lebih baik. Pengalaman tersebut juga mendidik warga UniMAP untuk lebih matang dan sentiasa siap siaga terhadap sebarang kemungkinan yang berisiko pada masa hadapan sementelah pandemik ini masih berleluasa dengan kemunculan varian-varian baharu yang setakat ini belum ada pengakhirannya. Hakikat yang perlu diterima ialah hidup perlu diteruskan dalam suasana kebiasaan baharu apatah lagi pandemik COVID-19 ini akan kekal menjadi virus yang berkongsi dunia dengan manusia sebagai endemik.

Kandungan buku ini terdiri daripada 12 bab. Bab 1 dan 2 menyentuh tentang latar belakang pengurusan COVID-19 di UniMAP termasuk tindakan awal pihak universiti selepas WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik global seterusnya mengaktifkan Jawatankuasa Bencana dan turut mempertimbang dan memutuskan keputusan yang berkaitan dengan operasi universiti. Bab 3 menyentuh tentang kepentingan komunikasi krisis dan tindakan yang diambil oleh UniMAP dalam hal ini termasuk penyelarasan maklumat, perancangan pelan komunikasi krisis, pengawalan situasi panik dan penyebaran mesej positif.

Bab 4 memfokuskan bidang akademik khususnya aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang menjadi teras kepada universiti. Dalam bab ini, aspek pemahaman tentang konsep pengajaran dalam talian, segerak dan tidak segerak, objektif dan kaedah penilaian berterusan, pengiraan semula jam pembelajaran pelajar, penentuan alatan pengajaran dalam talian yang terbaik dan sebagainya turut dikongsikan. Bab 5 melibatkan perkongsian pengalaman perwakilan pelajar universiti yang menjaga kebajikan dan menjadi suara para pelajar dalam menghadapi COVID-19. Bab 6 memperincikan pengalaman baharu kakitangan UniMAP bekerja dari rumah, isu kekaburan antara urusan peribadi dengan urusan kerja secara profesional menimbulkan konflik dalam kalangan kakitangan turut disentuh. Pelbagai perspektif ditampilkan dalam bab ini, memaparkan mesej yang jelas tentang perubahan drastik dalam menjalankan tugas yang biasa dilakukan bukan sesuatu yang mudah dan memerlukan pemahaman semua pihak.

Seterusnya, dalam bab 7 dan 8, aspek sumbangan UniMAP terhadap komuniti dan masyarakat amnya melalui aktiviti inovasi dan advokasi awam. Warga UniMAP menjalankan tanggungjawab sosial kepada masyarakat termasuk membantu meringankan beban para petugas barisan hadapan, malah peranan para petugas barisan hadapan UniMAP dalam aspek kesihatan dan keselamatan turut disentuh dalam bab 9. Bab 10 menceritakan usaha UniMAP dalam menyambut para kakitangan dan pelajar yang kembali ke kampus seterusnya menghidupkan suasana kampus dalam kebiasaan baharu dengan SOP yang ditetapkan. Bab 11 pula menyentuh tentang pandangan pihak pengurusan utama UniMAP dan cabaran yang dihadapi dalam mengemudi haluan universiti sepanjang pandemik COVID-19. Selain itu, sudut pandang mengenai fungsi universiti yang disentuh dalam bab ini. Bab terakhir buku ini mengulas tentang kesiagaan UniMAP menghadapi bencana dan risiko yang mendatang bersama-sama dengan COVID-19. Penghasilan buku ini mengambil pendekatan yang positif walaupun COVID-19 jelas mendatangkan banyak cabaran bersamanya. Segala pengalaman yang dikongsikan dalam buku ini diharap dapat dijadikan iktibar dan rujukan kepada semua pihak berkepentingan bagi merangka pelan kesiapsiagaan menghadapi bencana masa hadapan dengan lebih baik dan berkesan. **R**

RONA POHON PERPADUAN



DI PEPOHON JAGAT RAYA INI
TERKANDUNG RONA PERPADUAN
MENITI DI TAMAN CITRAWARNA
MELAUTI DI SEGENAP BUANA

DALAM NAUNGAN INI
TERPAHATNYA SUATU LAMBANG ADDIN 'ULYA
ADALAH SUATU BENIH YANG TUMBUH DARI
KEIKHLASAN
DISIRAMI UKHUWAH UMMAH SEJATI

AKARNYA KUKUH MENUNJANG KEJAP
DARI TAUTAN SALAM TAULAN
SINARNYA DALAM RONA POHON PERPADUAN
DAMAINYA MENYINGKAP NALAR BUDI
DARI LIMA RUKUN KEHIDUPAN
DARI ENAM RUKUN KEIMANAN

DI PEPOHON PERPADUAN INI
TAAKULNYA TIKA SENGANG DI KALBU
KUKUH BERPAUT, BERSANDAR DI SANUBARI
DALAM KEMARAU MERANTAI,
DIPAYUNGI ALUR BAYU DINGIN
YANG MENEDUHKAN MUSAFIR DI DUNIA
DI RIMBUNAN SABDA RASUL JUNJUNGAN
KEKAL SUBUR MENDAMAIKAN JIWA

DI POHONAN PERPADUAN UKHRAWI
MELAMBAI KHABAR DI TAMAN INSANI
MENGUNTUM HARUM JURAAN DOA
DALAM DAKAPAN KARUNIA ILAHI
DI PERIAN RUMPUN SEMERBAK KASIH RABBI

-JULIANA AHMAD-

Puisi ini telah dideklamasikan pada 17 Jun 2023 (Sabtu) dalam Majlis Citrawarna Pemangkin Ummah, bersempena dengan FESTIVAL SENI, BUDAYA & BAHASA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs), di Dewan Warisan Kangar, Perlis. 

Cahaya Malam (Wan NorHaizar Bin Harun)

PANTUN PALAS

Daun palas amat berharga,
Diletak pulut sebagai isi;
Kalau malas untuk usaha,
Nasi di mulut menjadi basi.

Perdu palas akar beribu,
Akar beribu tidak berduri;
Kalau malas mencari ilmu,
Akan ditipu kanan dan kiri.

Pokok palas di tepi perigi,
Pokok lada tumbuh jarang;
Kalau malas bangun pagi,
Rezeki ada diambil orang.

Pokok palas pokok kelapa,
Usah ditebang sukar dicari;
Kalau malas bertegur sapa,
Hidup seorang sepi sendiri.

Pohon palas tumbuh redup,
Tiada ganti banyak gunanya;
Kalau malas untuk hidup,
Jadi seperti bangkai bernyawa.

PANTUN IKAN DARAT

Ikan jelawat ikan lampam,
Makan lumut perdu rumbia;
Usah diingat dosa silam,
Biarlah reput dengan usia.

Anak ketam anak siput,
Satu sahaja yang ada kaki;
Hati muram usah diturut,
Terima sahaja takdir Ilahi.

Ikan seluang si ikan kelah,
Bentuk badan beza sekali;
Kadang senang kadang susah,
Nikmat dugaan silih berganti.

Ikan toman si ikan haruan,
Ikan gagah kuat perkasa;
Kuatkan iman pada Tuhan,
Jangan mudah putus asa.

Ikan puyu si ikanlah bujuk,
Satu di sawah satu di paya;
Usah terlalu mudah merajuk,
Hanya yang tabah akan berjaya. 

PROGRAM-PROGRAM JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU) SEPANJANG TAHUN 2023

SOROTAN JANUARI

SIRI SYARAHAN UMUM PROFESOR

SIRI 1/ 2023

"ZOOMERS IN MIND...OR NOT: STORIES UNIVERSITIES TELL"

10 JANUARI 2023

Syarahan ini disampaikan oleh Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, selaku Pengarah Pusat Pengurusan Strategi & Kualiti (SQM). Program ini dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Lestari (LEAD), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Program ini telah dijalankan pada 10 Januari 2023 bertempat di Auditorium Canselor Tuanku Syed Sirajuddin, UniMAP.



PROGRAM 'BASIC ENGLISH LANGUAGE CAMP' (BELSA), 2022/2023 DENGAN KERJASAMA ISLAMIC PRIVATE SCHOOL ASSOCIATION SATUN

Program ini melibatkan pelajar-pelajar dari Satun, Thailand yang dilaksanakan di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (PFI 2).

Objektif utama program ini adalah untuk memberi pendedahan berkenaan dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam aktiviti seharian selain aktiviti sampingan melibatkan lawatan di sekitar negeri Perlis dan Pulau Pinang. Program ini merangkumi empat fasa secara keseluruhannya.

FASA 1 : Pada 22 – 24 Disember 2022. Seramai 75 orang peserta yang terlibat dan lapan (8) orang fasilitator daripada Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU).

FASA 2 : Pada 29 – 31 Disember 2022. Seramai 66 orang peserta yang terlibat dan tujuh (7) orang fasilitator daripada JBPU.

FASA 3 : Pada 5 – 7 Januari 2023. Seramai 66 orang peserta yang terlibat dan tujuh (7) orang fasilitator daripada JBPU.

FASA 4 : Fasa ini merupakan fasa terakhir yang dilaksanakan pada 12-14 Januari 2023 dan melibatkan Majlis Penutup BELSA. Seramai 97 orang peserta yang terlibat dan enam (6) orang fasilitator serta lapan (8) orang pelajar pembantu.




SOROTAN FEBRUARI

LOKAKARYA PENULISAN DAN PENERBITAN BAHASA MELAYU

11-14 FEBRUARI 2023

Seramai 10 orang tenaga pengajar kursus Bahasa Melayu telah terlibat dalam Lokakarya Penulisan dan Penerbitan Bahasa Melayu di Pulau Langkawi. Objektif utama lokakarya ini adalah untuk bersama-sama menetapkan keperluan penerbitan bahasa Melayu bagi tahun 2023 dan tahun 2024. Tenaga pengajar digalakkan untuk menghasilkan tiga (3) buah penerbitan bahan pengajaran dan pembelajaran yang setara dengan kursus Bahasa Melayu yang ditawarkan oleh JBPU.



SOROTAN MAC

MAJLIS PERPISAHAN STAF

PN. HUSNA HAZWANI ZAKARIA & DR. NOR HANIM BINTI AWANG@MOHD NOOR

8 MAC 2023

Majlis perpisahan diadakan bagi menghargai jasa dua orang staf Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) iaitu Pn. Husna Hazwani Zakaria yang berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan dan melanjutkan pelajaran ke Jerman serta Dr. Nor Hanim yang telah mendapat tawaran bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).



LOKAKARYA PENULISAN DOKUMEN RASMI (SURAT RASMI)

13-14 MAC 2023

Pada 13 hingga 14 Mac 2023, Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Utara telah mengadakan program Lokakarya Penulisan Dokumen Rasmi (Surat Rasmi) bertempat di Auditorium Blok A, FPK, UniMAP. Lokakarya ini dikendalikan oleh En. Mohamad Zaki Abdul Halim, Guru Bahasa Kanan, yang juga selaku Munsyi Dewan. Wakil daripada DBP Wilayah Utara iaitu En. E Pian Pro Paul iaitu Pegawai Perancang Bahasa turut hadir ke program ini.

Bengkel ini turut melibatkan perkongsian idea dan gerak kerja oleh tenaga pengajar bahasa Melayu JBPU iaitu Pn. Zuhairah Idrus, Pn. Juliana Ahmad, Pn. Nurul Syazwani Zulkifli, Pn. Zaliza Zubir dan En. Muhammad Bazli Mahmood.



Encik Mohamad Zaki Abdul Halim

Penceramah
Munsyi Dewan (Bahasa)



LOKAKARYA PENULISAN SURAT RASMI

(PROGRAM BIMBINGAN PEMANTAPAN
TATABAHASA DAN PENULISAN DOKUMEN RASMI)

13 - 14 MAC 2023
(ISNIN - SELASA)

AUDITORIUM BLOK A
FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI

PROGRAM ANJURAN:

JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM,
FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI, UniMAP
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA WILAYAH UTARA



BENGKEL SEMAKAN KURIKULUM

16-17 MAC 2023

Bengkel Semakan Kurikulum dan Pembinaan Item Pentaksiran telah dilaksanakan selama dua hari iaitu pada 16 hingga 17 Mac 2023 bertempat di Hotel Neo+ Pulau Pinang. Sepanjang tempoh program tersebut, semakan kurikulum telah dilakukan termasuk perkongsian berkaitan dengan kaedah pentaksiran penilaian. Seramai 60 orang staf akademik telah menghadiri bengkel ini yang dirasmikan oleh YM Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad selaku Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), UniMAP.



BENGKEL SEMAKAN KURIKULUM DAN PEMBINAAN ITEM PENTAKSIRAN PENILAIAN
PERINGKAT JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM

TEMPAT: HOTEL NEO+, PULAU PINANG | **TARIKH:** 16 - 17 MAC 2023 (KHAMIS & JUMAAT)

PENCERAMAH 1



DR. MUHAMMAD NOOR B ABDUL AZIZ
PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

PENCERAMAH 2



KHAIRUL HISHAM JAMALLUDIN
JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

ANJURAN:
JABATAN BAHASA DAN PENGAJIAN UMUM (JBPU),
FAKULTI PERNIAGAAN DAN KOMUNIKASI (FPK)



MAJLIS KESYUKURAN DAN JAMUAN SAMBUTAN IHYA RAMADAN


22 MAC 2023

Sempena menyambut bulan Ramadan, Kelab Kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah bekerjasama dengan Jabatan Komunikasi (JKOM) untuk menganjurkan majlis kesyukuran dan jamuan bagi menyambut bulan Ramadan 1444H bertempat di Bilik Mesyuarat Blok A, Pusat Pengajian Jejawi. Selain mengeratkan silaturahim antara staf, majlis turut diisi dengan tazkirah ringkas mengenai kemuliaan bulan Ramadan yang disampaikan oleh Ustaz Azrizal bin Mansor. Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah, Ketua Jabatan JBPU dan Prof. Madya Dr. Hanif Shuhairi Abu Bakar selaku Ketua Jabatan Komunikasi.



AKTIVITI SEPANJANG BULAN RAMADAN 2023 BERSAMAAN 1444H

Kelab Kebajikan JBPU telah merangka beberapa aktiviti sepanjang bulan Ramadan 2023. Antaranya ialah; menyediakan Tabung Ramadan JBPU untuk disumbangkan kepada Rumah Hembusan Kasih dan Rumah Kebajikan Anak Yatim Mak Teh, edaran bungkusan Ramadan kepada semua staf JBPU, dan sesi Tadarus al-Quran serta majlis berbuka puasa bersama-sama anak yatim.



SUMBANGAN RAMADAN JBPU

Proses pembungkusan sumbangan Ramadan pada 22 Mac 2023 di Pejabat Pentadbiran JBPU untuk diedarkan kepada staf JBPU.

TADARUS AL-QURAN UNTUK STAF WANITA JBPU

31 MAC 2023

Sesi Tadarus al-Quran khusus untuk staf wanita JBPU telah dilaksanakan pada setiap hari Jumaat jam 10 pagi di Bilik Mesyuarat Blok B, Pusat Pengajian Jejawi. Sesi Tadarus al-Quran ini dibimbing oleh Ustazah Nadiyah Yunos, Penolong Kanan Kokurikulum, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Perempuan (SMKA (P) Alawiyah, Kangar. Sesi ini dikendalikan oleh Pn. Zuhairah Idrus.



SOROTAN APRIL

MAJLIS BERBUKA PUASA JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU) DENGAN KERJASAMA JABATAN KOMUNIKASI (JKOM) DI RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM MAK TEH DAN RUMAH HEMBUSAN KASIH

6 APRIL 2023

Majlis berbuka puasa Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) bersama dengan anak-anak yatim dari Rumah Kebajikan Anak Yatim Mak Teh dan Rumah Hembusan Kasih telah diadakan pada 6 April 2023 dengan kerjasama Jabatan Komunikasi (JKOM). Seramai 12 orang penghuni Rumah Kebajikan Mak Teh yang berumur antara 13 hingga 15 tahun dan 30 orang anak-anak dari rumah Hembusan Kasih yang berumur dalam lingkungan 4-6 tahun telah hadir ke majlis ini. Hasil sumbangan wang ringgit, barang dan makanan telah diserahkan kepada anak-anak yatim dan juga kepada rumah kebajikan itu sendiri. Majlis berbuka puasa ini turut dihadiri oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK) iaitu YM Prof. Madya Dr. Tunku Salha bagi sesi penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim tersebut.



MAJLIS IFTAR JAMA'I FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI (FPK) DENGAN KERJASAMA PUSAT ISLAM DAN PEMBANGUNAN INSAN (PIMPIN)

11 APRIL 2023

Majlis Iftar Jama'i telah dianjurkan oleh FPK dengan kerjasama PIMPIN yang diadakan di surau Pauh Putra, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Aktiviti dilaksanakan secara gotong-royong bagi menyediakan menu juadah berbuka puasa untuk pelajar-pelajar UniMAP bagi menyemarakkan aktiviti bulan Ramadan di samping berkongsi rezeki dengan insan yang memerlukan serta merapatkan ukhuwah dalam kalangan staf dan pelajar UniMAP.



SOROTAN MEI

SAMBUKAN RIANG RIA RAYA AIDILFITRI FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI (FPK) DI PUSAT PENGAJIAN JEJAWI

12 MEI 2023

Sambutan Riang Ria Raya Aidilfitri anjuran Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), UniMAP telah diadakan pada 12 Mei 2023 bertempat di kafeteria Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Pusat Pengajian Jejawi. Tujuan utama penganjuran program tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran dalam melaksanakan ibadah sepanjang bulan Ramadan selain mengeratkan silaturahim antara staf di bawah pengurusan FPK iaitu Jabatan Perniagaan, Jabatan Komunikasi dan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum.



WEBINAR 'WACANA ILMU' PERKONGSIAN "GRADUATE-ON-TIME (GOT)"

25 MEI 2023

Jawatankuasa Data, Penyelidikan dan Penerbitan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah merencanakan penganjuran webinar 'Wacana Ilmu JBPU' sepanjang tahun 2023. Tujuan utama penganjuran webinar ini adalah untuk menyemarakkan perkongsian ilmu mengikut kepakaran pensyarah dengan pelajar, staf mahupun pihak komuniti luar. Pada 25 Mei 2023, Dr. Nazra Aliff Nazri selaku Pensyarah Kanan JBPU telah berkongsi pengalaman beliau mengenai "Graduate-on-Time (GOT)" secara dalam talian. Webinar telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada staf dan pelajar UniMAP serta daripada pihak luar.

Webinar
Wacana Ilmu
Perkongsian
Graduate-on-Time (GOT)
25 Mei 2023 (Khamis)
3.00pm - 4.30pm

Penyertaan percuma
E-Sijil disediakan
1 Hari berkursus

<https://meet.google.com/uok-jvaa-yim>

Anjuran: Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU),
Fakulti Perniagaan & Komunikasi, UniMAP

#UniMAPNantap #UniMAP4Society #Engineering4Society
Ilmu | Keikhlasan | Kecemerlangan

Dr. Nazra Aliff Nazri

#gemilangbersamaunimap
www.unimap.edu.my

UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

Google Meet

SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS

SOROTAN JUN

PROGRAM "MEET & GREET" BERSAMA DENGAN DELEGASI UNIVERSITAS 17 AGUSTUS 1945 SURABAYA (UNTAG)

20 JUN 2023

Satu pertemuan "Meet & Greet" bersama-sama delegasi UNTAG Surabaya telah diadakan dengan Pengarah Centre of International Engagement (CIE), Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), dan Ketua Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU). Turut hadir ialah empat (4) orang delegasi UNTAG, dua (2) orang wakil CIE, empat (4) orang ahli Exco JBPU, FPK serta Pengarah Centre of Excellence for Advanced Computing (CoE AdvComp). Pada masa yang sama, program mobiliti bersama dengan staf akademik turut berlangsung dan profesor kunjungan UNTAG telah memberi kuliah kepada 55 orang pelajar UniMAP. Tujuan utama Sesi "Meet & Greet" adalah untuk memperkenalkan delegasi dari UNTAG kepada pasukan kepimpinan baharu.



MAJLIS KESYUKURAN PENAMATAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR PRAKTIKAL DI JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU)

23 JUN 2023

Majlis Kesyukuran telah diadakan sempena meraikan dua (2) orang pelajar praktikal yang telah berjaya menamatkan latihan industri di bawah penyeliaan Pn. Marzura Mat Arid selama tiga bulan di Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU). Majlis tersebut telah diadakan di Bilik Seminar Blok A, Pusat Pengajian Jejawi yang turut dihadiri oleh staf JBPU.



SOROTAN JULAI

PROGRAM GOTONG-ROYONG IBADAH KORBAN DAN AKIKAH UniMAP 1444H/2023M

1 JULAI 2023

Program Gotong-Royong Ibadah Korban dan Akikah UniMAP 1444H/2023M telah berjaya dilaksanakan pada 1 Julai 2023 anjuran Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama semua fakulti dan jabatan di UniMAP. Program tersebut telah dilaksanakan di dataran parkir bas, UniMAP Kubang Gajah. Beberapa orang staf JBPU terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa untuk melancarkan program yang dilaksanakan.



BENKEL TRAINING OF TRAINERS (TOT) KURSUS INTEGRITI & ANTIRASUAH (KIAR) JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU)

12 -13 JULAI 2023

Bengkel Training of Trainers KIAR telah dilaksanakan pada 12 Julai hingga 13 Julai 2023 anjuran Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Bengkel tersebut telah dilaksanakan di Bilik Seminar Cemerlang 1 & 2, Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (PF12), Pauh Putra. Seramai 12 orang Ahli Jawatankuasa dan kesemua staf akademik JBPU telah libat sama sebagai peserta bagi melancarkan bengkel ini. Program ini telah dipengerusikan oleh YM Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad dan seramai enam (6) orang panel khas dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijemput bagi menjayakan bengkel ini.

SOROTAN OGOS

SEMINAR ANTRABANGSA INTEGRASI ALAM DAN TAMADUN MELAYU, SUTERA 2023 & SEMALU III

23-24 OGOS 2023

Penganjuran Seminar Antarabangsa Integrasi Alam dan Tamadun Melayu, SUTERA 2023 & SEMALU III ini telah dijalankan dengan jayanya di Thaksin University, Songkhla Thailand pada 23-24 Ogos 2023. Pada kali ini, DYTm Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) berkenan merasmikan Seminar Antarabangsa Integrasi Alam dan Tamadun Melayu, Susastera, Bahasa dan Budaya Nusantara (SUTERA) 2023 & Seminar Antarabangsa Manuskrip Melayu Ke-3 (SEMALU III) anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), UniMAP dan Thaksin University (TSU). Turut berkenan berangkat hadir ialah DYTm Raja Puan Muda Perlis Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Pelaksanaan SUTERA 2023 & SEMALU III ini diintegrasikan dengan tema “Budaya Penyelidikan Watan: Melestari Identiti Keunikan ASEAN”. Antara tetamu yang menyampaikan ucap tama ialah Prof. Emeritus Dato’ Dr. Asmah Haji Omar, Dr. Noriah Mohamed, Sasterawan Negara Dato’ Zurinah Hassan, Dr. Burhan Che Daud dan Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin.



SOROTAN SEPTEMBER

MAJLIS PENGHARGAAN DAN PERPISAHAN

DEKAN FAKULTI PERNIAGAAN DAN KOMUNIKASI (FPK), YM PROF. MADYA DR. TUNKU SALHA TUNKU AHMAD

27 SEPTEMBER 2023

Majlis penghargaan dan perpisahan YM Prof. Madya Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad telah diadakan pada 27 September 2023 bertempat di Bilik Seminar Blok A, Pusat Pengajian Jejawi. Majlis ini disambut bagi menghargai jasa dan khidmat bakti beliau sebagai Dekan Fakulti Perniagaan dan Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) serta mendoakan kejayaan beliau sebelum berangkat ke Bahrain bagi menjalankan tugas yang ditawarkan di sana.

Jasamu Dikenang

Yang Dikasih PM, Dr. Tunku Salha,

Kami warga JBPU ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih atas segala jasa dan budi bakti. Kami amat mengagumi dedikasi dan impak positif puan dekan terhadap kami semua.

Kami percaya pengembaraan baharu ini akan membawa sinar cahaya dalam kehidupan puan dekan. Kami mendoakan semoga semua urusan dipermudahkan dan diberkati. Aamin.

tulus ikhlas,
Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU)



SOROTAN OKTOBER

BENGKEL CHATGPT

"FOR THESIS/RESEARCH ARTICLE WRITING"

9 OKTOBER 2023

Program Bengkel ChatGPT untuk Penulisan Tesis dan Penulisan Artikel Penyelidikan telah dilaksanakan pada 9 Oktober 2023 anjuran Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) dengan kerjasama Centre of Excellence for Unmanned Aerial Systems (COEUAS), University Malaysia Perlis (UniMAP). Program telah dilaksanakan secara dalam talian iaitu melalui platform Google Meet oleh En. Faharol Zubir selaku Pensyarah Bahasa Inggeris JBPU dan Felo Penyelidik dari COEUAS yang disampaikan kepada pelajar dan staf UniMAP yang berminat dalam teknologi Artificial Intelligence (AI) bagi tujuan akademik.



BENGKEL "I-ATTENDANCE"

31 OKTOBER 2023

Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU) telah menganjurkan Bengkel "I-Attendance" pada 31 Oktober 2023 di Bilik Mesyuarat Blok A, Pusat Pengajian Jejawi. Bengkel ini telah dikendalikan oleh Dr. Nazra Aliff Nazri selaku Pensyarah Kanan JBPU. Tujuan utama bengkel ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada staf akademik JBPU berkenaan dengan "I-Attendance" bagi tujuan penyelarasan kedatangan pelajar di dalam kelas yang dikendalikan.

SOROTAN NOVEMBER

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)

SUMBANGAN AMAL DI MASJID TELOK MANOK, LUBOSAWO NARATHIWAT THAILAND

24 - 26 NOVEMBER 2023

Satu program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) telah berjaya dilaksanakan di Masjid dan Sekolah Agama Telok Manok, Narathiwat Thailand. Program anjuran Kelab Kebajikan Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK) ini telah disertai seramai 15 orang staf JBPU secara sukarela yang diketuai oleh Pn. Siti Balkis Mohamed Ibrahim. Objektif utama program adalah bertujuan untuk menyampaikan sumbangan daripada rakan staf JBPU, organisasi dan pihak perseorangan yang berupa barangan kelengkapan masjid dan keperluan pembelajaran kelas agama di bawah kelolaan pihak masjid tersebut serta menyampaikan sumbangan kewangan.



SOROTAN DISEMBER

PROGRAM "CAREER DEVELOPMENT: PERSPECTIVE FROM ACADEMIC & PROFESSIONAL"

6 DISEMBER 2023

Program bertajuk "Career Development: Perspective From Academic & Professional" telah berjaya dilaksanakan pada 6 Disember 2023 bertempat di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP Pauh Putra. Program ini melibatkan dua orang ahli panel jemputan iaitu Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Majid dari Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pn. Naemah Jamil dari Becton Dickinson Sdn. Bhd. yang berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang pendidikan dan kerjaya kepada pelajar tahun akhir Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Program yang berbentuk bual bicara ini dipengerusikan oleh Pn. Siti Balkis Mohamed Ibrahim selaku Pensyarah di Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU), FPK manakala bual bicara dikendalikan oleh moderator Pn. Nur Adila Hakimi selaku tenaga pengajar Bahasa Inggeris di JBPU, FPK, UniMAP.



PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN SIRI 1/2023 SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK), (MS ISO 9001:2015)

JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU)

15 DISEMBER 2023


Proses Audit Dalaman Siri 1/2023 SPK JBPU bagi Semester 2, Sidang Akademik 2022/2023 telah dilaksanakan pada 15 Disember 2023 bertempat di Bilik Mesyuarat Blok A, Pusat Pengajian Jejawi. Proses pengauditan ini melibatkan tiga (3) orang panel auditor, dua (2) orang panel dari Institut Matematik Kejuruteraan (IMK) dan seorang panel dari Fakulti Kejuruteraan & Teknologi Kimia (FKTK). Turut hadir ialah Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah (Ketua Jabatan), Dr. Nazra Aliff Nazri (Penyelaras JIPK), Pn. Siti Balkis Mohamed Ibrahim (Ketua Audit JBPU), Dr. Nurul Naimah Rose (Pengerusi Rancangan Pengajian Umum) dan Dr. Nazifah Hamidun (Pengerusi Rancangan Bahasa) serta Pn. Marzura Mat Arid (Penolong Pendaftar).





UNIVERSITI
MALAYSIA
PERLIS

PENERBITAN BUKU-BUKU STAF 2023 JABATAN BAHASA & PENGAJIAN UMUM (JBPU)



PERLIS dalam Puitika Budaya

Editor: Mohamad Zaki Abdul Halim & Zalina Ahmad

Penerbit: Angkatan Sasterawan Indera, Perlis (AKSARA)

ISBN: 978-629-97570-0-9

SIRI DIGES KEMANUSIAAN: Wacana ILMU DAN KEMANUSIAAN

Editor: Shuhairimi Abdullah, Azahari Ramli & Nur Salimah Alias

Penerbit: Penerbit UniMAP

ISBN: 978-967-2829-53-9



**DISASTER IN INDONESIA :
a Multidisciplinary Perspective**

DISASTER IN INDONESIA: A Multidisciplinary Perspective

Penulis: O. Z. S. Tihuraa, Kasturi Abd Aziz, Rini Oktavera, Siti Rahmah Hidayatullah Lubis, Tri Astuti Sugiyatmi, dll.

Penerbit: Yogyakarta: Penerbit Nuta Media.

ISBN: 978-623-8126-43-9 (EPUB)



QUANTITATIVE METHOD in Various Approach

Penulis: Ari Setiawan, Moh. Kasturi Abd Aziz, Rita Sari, Ariyani Muljo, Firdaus Yuni Dharta, dll.

Penerbit: Yogyakarta: Penerbit Nuta Media

ISBN: 978-623-8126-84-2 (EPUB)



**DEKAN FAKULTI**

Prof. Madya Dr. Mohammad Rezal Hamzah
Dekan Fakulti Perniagaan & Komunikasi (FPK)

**KETUA JABATAN**

Prof. Madya Dr. Shuhairimi Abdullah
Ketua Jabatan, Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU)

KETUA EDITOR

Pn. Juliana Ahmad

EDITOR

En. Mohamad Zaki
 Abdul Halim



Pn. Marzura Mat Arid



Dr. Noor Asliza
 Abdul Rahim



En. Khairul Hisham
 Jamalludin



En. Mohd Kasturi
 Nor Abd Aziz



Pn. Niswa Noralina
 Abdullah



Pn. Nurul Syazwani
 Zulkifli



Pn. Siti Balkis
 MKM Mohamed Ibrahim



Dr. Noriha Basir



Pn. Zuhairah Idrus

EDITOR REKA BENTUK GRAFIK


En. Mohd Azrizal
 Mohd Salleh



En. Muhammad Bazli
 Mahmood



**Jabatan Bahasa & Pengajian Umum,
Fakulti Perniagaan & Komunikasi,
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**



fpk.unimap.edu.my